



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**PENGUASAAN BAHASA MELAYU SEBAGAI BAHASA KEDUA  
IMIGRAN INDIA DI PEKAN BEAUFORT, SABAH, MALAYSIA**

**SYAHRIN BIN AWANG BESAR**

**FBMK 2021 55**



**PENGUASAAN BAHASA MELAYU SEBAGAI BAHASA KEDUA  
IMIGRAN INDIA DI PEKAN BEAUFORT, SABAH, MALAYSIA**

Oleh

**SYAHRIN BIN AWANG BESAR**

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra  
Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah**

**Jun 2020**

## HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, iklan, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya, Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia,

Hak Cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah

**PENGUASAAN BAHASA MELAYU SEBAGAI BAHASA KEDUA  
IMIGRAN INDIA DI PEKAN BEAUFORT, SABAH, MALAYSIA**

Oleh

**SYAHRIN BIN AWANG BESAR**

Jun 2020

**Pengerusi : Y.Bhg Profesor Vijayaletchumy a/p Subramaniam, PhD**  
**Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi**

Kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk mengkaji proses penguasaan Bahasa Melayu Dialek Sabah (BMDS) sebagai bahasa kedua (B2) menggunakan pendekatan interaksional, imigran India di Beaufort, Sabah. Secara spesifiknya objektif kajian ini memfokuskan kepada usaha untuk mengenal pasti dan mengkaji bentuk-bentuk mekanisme B2 yang digunakan, menganalisis teknik pengaplikasiannya menggunakan Teori Long (1996) dan merumuskan proses penguasaan B2 tersebut. Dalam kajian ini pengkaji menggunakan Hipotesis Interaksional oleh Michael H. Long (1996) sebagai kerangka teori kajian. Manakala kaedah kajian yang digunakan adalah menggunakan kaedah pemerhatian eksploratori secara tinjauan lapangan. Pengkaji turut menggunakan skala psikometrik kualitatif Persetujuan Antara-Penilai Cohen Kappa (1968) bagi tujuan memperintang sokongan dapatan kajian. Manakala bagi tujuan pensampelan pengkaji menggunakan pendekatan kajian kes dan pensampelan bertujuan. Data-data dapatan kemudiannya dianalisis secara triangulasi deskriptif kuantitatif-kualitatif. Dapatan kajian mendapati bahawa para peserta kajian lebih memilih untuk menggunakan empat mekanisme pendekatan interaksional iaitu; a) Pengulangan, b) Pemeriksaan Pengesahan, c) Pemeriksaan Pemahaman, dan d) Permohonan Penjelasan. Namun demikian, pada akhirnya didapati bahawa mereka tetap mampu menguasai dan berkomunikasi dalam BMDS dengan efektif meskipun tanpa mengikuti sebarang kursus persediaan B2 secara formal sebelum datang ke Malaysia. Penguasaan B2 mereka berlaku hanyalah melalui proses belajar dan berlatih menerusi kaedah interaksional semata-mata, iaitu interaksi dengan penduduk tempatan yang merupakan Penutur Jati (PnJ) BMDS. Dapatan-dapatan kajian juga turut menemukan dapatan bahawa bentuk-bentuk dan penggunaan mekanisme-mekanisme pendekatan interaksional dapat menggalakkan peningkatan penguasaan atau pembelajaran B2 golongan BPnJ. Proses ini disokong faktor persekitaran linguistik bahasa (PLB) serta kaitannya dengan tuntutan kepentingan B2 tersebut dalam komunikasi perniagaan. Maka kesimpulannya kajian ini telah dapat menunjukkan bentuk-bentuk, aplikasi mekanisme-mekanisme dan seterusnya merumuskan pendekatan interaksional penguasaan B2, imigran India selaku BPnJ BMDS berkenaan.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy

**THE ACQUISITION OF BAHASA MELAYU AS INDIAN IMMIGRANTS' SECOND LANGUAGE IN PEKAN BEAUFORT, SABAH, MALAYSIA**

By

**SYAHRIN BIN AWANG BESAR**

**June 2020**

**Chairman : Y.Bhg Professor Vijayaletchumy a/p Subramaniam, PhD**  
**Faculty : Modern Language and Communication**

This study is aimed at investigating the forms of interactional approach which contribute to the success of learning Sabahan Malay Language Dialect (SMLD) as second language (L2) through psycholinguistic perspective among Indian immigrants in Beaufort, Sabah. The objective of this study is to specifically identify the forms of mechanisms in interactional approach applied by Indian immigrants in learning the SMLD along with analyzing the application technique using Long Theory (1996) and summarizing the L2 mastery process. The researcher employed The Long's (1996) Revised Interaction Hypothesis of Second Language Acquisition (SLA) Strategies, along with the utilisation of exploratory-observation and survey methods. The study also used The Cohen Kappa Coefficient (1968) Inter-Rater Agreement For Qualitative Research Scale to support the research findings. While, for sampling purposes, the researcher chooses to use the case study approach on a group of Indian immigrants who have been residing in Beaufort for at least 5 years. The data is then analysed by triangulation of quantitative-qualitative methods. The findings revealed that the research participants preferred using the four Interaction Approach mechanisms namely a) Repetition, b) Confirmation checks, c) Comprehension checks and d) Clarification request. Besides that, the participants managed to communicate in SMLD effectively through socialising method process by interacting with locals although they have never undergone any previous formal conventional language proficiency courses. Their L2 mastery takes place only by learning and practising through an interactive way of interacting with the locals solely who are the NS of SMLD. The findings of the study also found that the forms and use of interactional coping mechanisms can promote the mastery or learning of L2 among the NNS, supported by linguistic environmental (LE), environmental factors and their relevance to L2's insistence on business communication needs. In conclusion, this study has been able to demonstrate the forms and application of mechanisms of interactional approach, thus summarizing L2 dominance among Indian immigrants as NNS of SMLD.

## PENGHARGAAN

Pengkaji ingin menitipkan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia kajian ini iaitu Y.Bhg. Prof. Dr. Vijayaletchumy Subramaniam atas curahan bakti bimbingan serta tunjuk ajar yang tidak ternilai harganya, juga tidak jemu-jemu memberikan dorongan, motivasi dan teladan yang amat berharga hingga memungkinkan kajian yang seadanya ini dapat direalisasikan. Penghargaan ini juga dipanjangkan kepada Dr. Abdul Rashid Daing Melebek selaku penyelia asal kajian saya ketika memulakan kajian ini yang turut banyak memberikan bimbingan, nasihat dan teguran pada fasa awal pelaksanaannya, selamat bersara. Semoga Allah sahajalah yang mampu membalas jasa baik kalian. Begitu juga kepada Ahli Jawatankuasa Penyeliaan, iaitu Prof. Madya Dr. Zaitul Azma binti Zainon Hamzah dan Dr. Hasnah binti Mohamad tanpa bantuan dan bimbingan kalian khususnya dalam aspek metodologi pastinya tugas kajian tesis ini menemui jalan sukar.

Ucapan setinggi-tinggi penghargaan ditujukan kepada seluruh warga Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Dekan Fakulti Prof. Dr. Abdul Mua'ti @ Zamri Ahmad serta Timbalan Dekan Siswazah, Prof. Madya Dr. Mohd Azidan bin Abdul Jabar, serta seterusnya para pensyarah yang telah banyak mencurahkan bakti mendidik anak bangsa. Jasa kalian amat besar maknanya kepada negara. Penghargaan dan terima kasih juga ditujukan kepada semua pihak yang terlibat baik secara langsung mahupun tidak langsung sepanjang kajian ini dijalankan, para majikan terlibat kajian yang memberikan kebenaran dan kerjasama, peserta kajian yang banyak menginspirasi, dan semua pihak yang telah sudi membantu kelancaran kerja-kerja kajian ini.

Khusus buat insan tersayang bonda Pn Hj Dayang Hamidah binti Hj Mohd Kassim yang banyak berkorban, dan allahyarham ayahanda Hj Awang Besar Hj Abu Bakar yang tidak berkesempatan menyaksikan kejayaan anak-anak terima kasih sedalam-dalamnya atas restu, curahan kasih, didikan dan pengorbanan membesarkan saya dan adik-beradik lainnya sehingga kami menjadi manusia berguna.

Khas buat isteri, Maznah binti Musneh dan anak-anak yang banyak berkorban dan kerap ditinggalkan berjauhan atas nama tuntutan ilmu, adik-beradik yang banyak membantu, sokongan padu kalian akan sentiasa tersemat di hati. Mendaki sudah hampir ke puncak, mendayung sudah hampir ke pangkalan. Alhamdulillah.

Akhir sekali, sedalam-dalam terima kasih juga buat rakan-rakan, sahabat-handai yang telah banyak membantu segenap aspek sepanjang kajian tesis ini saya jalankan. Dr. Hirman Khamis, Dr. Jailani Idris, Dr. Musnin Misdi, Dr. Roslee Talip, Dr. Ferlis Bahari, Sdr. Mohd Fauzi Shamsuddin, Awangku Mohd Gadafee Pg Abdullah, Zulkifle Masdin, Vicknasparran Sangaralingam, Richard Vun Khiam Fui, rakan-rakan sepejabat lainnya dan kesemua yang tidak sempat dinamakan satu persatu. Segala sokongan, lontaran idea, pandangan dan perkongsian ilmu daripada kalian amat saya hargai dan sanjung tinggi. Allah sahajalah yang mampu membalasnya. Aamiin.

Terima kasih .

SYHRIN AWANG BESAR



Tesis ini telah dikemukakan kepada senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

**Vijayaletchumy a/p Subramaniam, PhD**

Profesor  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Zaitul Azma binti Zainon Hamzah, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

**Hasnah binti Mohamad, PhD**

Pensyarah Kanan  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

---

**ZALILAH MOHD SHARIFF, PhD**

Profesor dan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 10 Februari 2022



## Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyelidikan

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi;

Tandatangan: \_\_\_\_\_  
Nama Pengerusi  
Jawatankuasa \_\_\_\_\_  
Penyeliaan: Profesor  
Dr. Vijayaletchumy a/p Subramaniam

Tandatangan: \_\_\_\_\_  
Nama Ahli  
Jawatankuasa \_\_\_\_\_  
Penyeliaan: Profesor Madya  
Dr. Zaitul Azma binti Zainon Hamzah

Tandatangan: \_\_\_\_\_  
Nama Ahli  
Jawatankuasa \_\_\_\_\_  
Penyeliaan: Dr. Hasnah binti Mohamad

## JADUAL KANDUNGAN

	Muka surat
<b>ABSTRAK</b>	i
<b>ABSTRACT</b>	ii
<b>PENGHARGAAN</b>	iii
<b>PENGESAHAN</b>	v
<b>PERAKUAN</b>	vii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xii
<b>SENARAI RAJAH</b>	xiii
<b>SENARAI CARTA</b>	xiv
<b>SENARAI PETA</b>	xv
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xvi
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xvii
<b>BAB</b>	
<b>1 PENDAHULUAN</b>	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	1
1.2.1 Penguasaan Bahasa Kedua	4
1.2.2 Penguasaan Bahasa Kedua Dalam Kalangan Imigran	5
1.2.3 Penguasaan Bahasa Melayu sebagai B2 dalam kalangan imigran India di Pekan Beaufort, Sabah	7
1.3 Pernyataan Masalah	9
1.4 Objektif Kajian	12
1.5 Persoalan Kajian	12
1.6 Signifikan Kajian	13
1.7 Batasan Kajian	14
1.8 Definisi Operasional	17
1.8.1 Penguasaan Bahasa Kedua	17
1.8.2 Penguasaan bahasa kedua pendekatan Interaksional	17
1.8.3 Bahasa Melayu dan Bahasa Melayu Dialek Sabah (BMDS) Sebagai B2	20
1.8.4 Imigran India di Sabah	21
1.9 Kesimpulan	26
<b>2 SOROTAN LITERATUR</b>	27
2.1 Pengenalan	27
2.2 Teori Interaksional Long (1996) dan Perkaitannya dengan Kajian	27
2.3 Kajian Lepas Berkaitan Pendekatan Interaksional	28
2.4 Pendekatan Interaksional Bahasa Imigran Dari Perspektif Peranan Pempidginan Bahasa dan Akulturasi –Schumann, J. (1978)	32
2.5 Kajian Perkaitan Persekitaran Linguistik Bahasa dengan Pendekatan Interaksional	36
2.6 Kajian Tahap Penguasaan Bahasa	38

2.6.1	Peringkat Pemerolehan Bahasa Kanak-kanak (B1)	38
2.7	Kajian berhubung imigran dan fenomena bahasa	39
2.8	Perkaitan Sorotan Kajian Dengan Kajian Penyelidikan	41
2.9	Kesimpulan	44
<b>3</b>	<b>METODOLOGI</b>	<b>45</b>
3.1	Pengenalan	45
3.2	Reka Bentuk Kajian	46
3.2.1	Konsep dan Kerangka Teori	46
3.2.2	Hipotesis Interaksional Teori Long (1996): Asas Teori Kajian	49
3.2.3	Asas Teori Long (1981, 1983, 1996)	51
3.2.4	Kerangka Konseptual	52
3.3	Tempat dan Subjek Kajian	53
3.4	Kaedah Kajian	53
3.4.1	Kajian kes	53
3.4.2	Tinjauan Lapangan	55
3.4.3	Temu bual	56
3.4.4	Pengelolaan Temu bual	57
3.4.5	Pemerhatian	57
3.5	Alat Kajian	58
3.5.1	Nota lapangan	59
3.6	Kesahan dan Kebolehpercayaan Alat Kajian	59
3.6.1	Penganalisan Kualitatif Cohen Kappa (1968)	59
3.7	Tatacara Kajian	61
3.8	Kajian Rintis	61
3.9	Kajian Sebenar	63
3.10	Langkah Pengumpulan Data	64
3.11	Langkah Penganalisan data	64
3.11.1	Penapisan data	64
3.11.2	Analisis verbatim dan pengelompokan	64
3.11.3	Sokongan skala Cohen Kappa (1968)	65
3.12	Pertimbangan Etika	65
3.13	Data kajian	66
3.14	Kesimpulan	68
<b>4</b>	<b>KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN</b>	<b>69</b>
4.1	Pengenalan	69
4.2	Bentuk Mekanisme Pendekatan Interaksional Penguasaan Bahasa Kedua Yang Digunakan Oleh Imigran India Di Pekan Beaufort	69
4.2.1	Bentuk Mekanisme	69
4.2.2	Pengulangan atau Latih Tubi ( <i>Repetitions</i> ) – P, Hipotesis Interaksional dalam Kajian Kes	75
4.2.3	Pemeriksaan Pengesahan ( <i>Confirmation Checks</i> ) – PS, Hipotesis Interaksional dalam Kajian Kes	77
4.2.4	Pemeriksaan pemahaman ( <i>Comprehension Check</i> ) – PF, Hipotesis Interaksional dalam Kajian Kes	78
4.2.5	Permohonan Penjelasan ( <i>Clarification Requests</i> ) – PJ, Hipotesis Interaksional dalam Kajian Kes	80

4.3	Analisis Mekanisme Bahasa Melayu Sebagai B2 Imigran India Di Pekan Beaufort berdasarkan Teori Long (1996)	82
4.3.1	PP, PI dan BB sebagai pelengkap kepada Mekanisme P, PS, PF dan PJ	82
4.3.2	Analisis Mekanisme Hipotesis Interaksional P, PS, PF, PJ, Perundingan Makna dan Pengubahsuaian Perbualan berdasarkan Teori Long (1996)	84
4.3.3	Pengubahsuaian Perbualan (PP) memangkin Pemahaman Input (PI)	87
4.3.4	Pemahaman Input (PI) memangkin Penguasaan Bahasa (PB)	90
4.3.5	Pengubahsuaian Perbualan (PP) memangkin Penguasaan Bahasa (PB)	92
4.4	Rumusan Penguasaan Bahasa Melayu Sebagai B2 Imigran India Di Pekan Beaufort	94
4.4.1	Pendekatan Interaksional; Pendedahan Persekitaran Linguistik Bahasa	95
4.4.2	Pendekatan interaksional; Respon, Sikap dan Motivasi	98
4.4.3	Pendekatan interaksional; Pempidginan Bahasa dan Akulturasi	101
4.4.4	Pendekatan interaksional; Teknik <i>Scaffolding</i> dalam Dapatan Mekanisme-mekanisme Interaksional Long (1996)	104
4.5	Kesimpulan	106
<b>5</b>	<b>RUMUSAN DAN CADANGAN</b>	<b>107</b>
5.1	Pengenalan	107
5.2	Rumusan	107
5.3	Implikasi	110
5.4	Kebaharuan ( <i>Novelty</i> )	113
5.4.1	Mekanisme Interaksional Ekstensi	113
5.4.2	Faktor Ekstralingual dalam mekanisme interaksional	116
5.5	Cadangan Kajian Seterusnya	116
5.6	Penutup	117
	<b>RUJUKAN</b>	<b>119</b>
	<b>LAMPIRAN</b>	<b>127</b>
	<b>BIODATA PELAJAR</b>	<b>151</b>
	<b>SENARAI PENERBITAN</b>	<b>152</b>

## SENARAI JADUAL

<b>Jadual</b>	<b>Muka surat</b>
3.1 Skala Cohen Kappa	60
4.1 Bentuk taburan dapatan unit-unit kajian berdasarkan struktur Hipotesis Interaksional	71
4.2 Taburan dapatan unit-unit kajian berdasarkan struktur Hipotesis Interaksional dalam keseluruhan korpus sampel kajian	72
4.3 Perbandingan komposisi mekanisme interaksional antara keseluruhan korpus persampelan dengan verbatim kajian terpilih	73
4.4 Kata dan frasa pidgin dalam kajian kes	101
5.1 Persampelan Unit Kajian Dan Verbatim (V)	130

## SENARAI RAJAH

<b>Rajah</b>		<b>Muka surat</b>
1.1	Interaksi majikan, subordinat dan pelanggan dalam persekitaran kerja	6
1.2	Penguasaan bahasa kedua Pendekatan Interaksional	17
1.3	Mekanisme-mekanisme perbualan penguasaan B2 dalam Pendekatan Interaksional berdasarkan Hipotesis Interaksional Long (1996)	18
1.4	Mekanisme penguasaan B2 dalam Hipotesis Interaksional Long (1996)	26
3.1	Kerangka teori	47
3.2	Mekanisme-mekanisme perbualan penguasaan B2 dalam Pendekatan Interaksional berdasarkan Hipotesis Interaksional Long (1996)	47
3.3	Fasa awal Hipotesis Interaksi oleh Long (1981)	50
3.4	Lanjutan Hipotesis Interaksional Long oleh Gass & Varonis (1982)	51
3.5	Kerangka Konseptual	52
3.6	Empat mekanisme pendekatan interaksional Hipotesis Interaksional yang digunakan dalam kajian	67
4.1	Usul hubungan Pengubahsuaian Perbualan (PP), Pemahaman Input (PI) dan Penguasaan Bahasa (PB) oleh Long (1985)	83
4.2	Teknik Perancah (scaffolding) Vygotsky, (1934)	89
4.3	PP menggalakkan PI dan PI menggalakkan PB = PP menggalakkan PB	93
4.4	Model umum pembelajaran bahasa kedua Spolsky (Spolsky, 1989)	97
5.1	Mekanisme Interaksional menurut Hipotesis Interaksional oleh Michael H. Long (1996)	113
5.2	Mekanisme Interaksional berdasarkan peranan melalui dapatan kajian	115

## SENARAI CARTA

<b>Carta</b>	<b>Muka surat</b>
1.1	Komponen pecahan suku kaum di Sabah 24
4.1	Pecahan mekanisme interaksional daripada 119 unit kajian yang dipilih untuk dikaji 71
4.2	Komposisi mekanisme interaksional daripada keseluruhan korpus 1,221 sampel yang dikumpulkan 72
4.3	Perbandingan komposisi mekanisme interaksional antara keseluruhan korpus persampelan dengan verbatim kajian terpilih 73

## SENARAI PETA

Peta	Muka surat
1.1 Peta Negeri Sabah menunjukkan lokasi Daerah Beaufort (bertanda hijau)	7
1.2 Pekan Beaufort yang pesat membangun	8
1.3 BMDS Dialek Pantai Barat, dari Kudat ke selatan (pengaruh Brunei-Bajau-Kadazan)	21
1.4 Pembahagian subdialek BMDS di Sabah	25



## SENARAI LAMPIRAN

Lampiran	Muka surat
1 Skala Bertingkat ( <i>Rating Scale</i> ) Subjek Kajian	127
2 Latar Belakang Subjek Kajian	129
3 Jadual Matriks Pensampelan Unit Kajian Dan Verbatim (V)	130
4 Jadual Penilaian Analisis Cohen Kappa 3 Penilai	131
5 Senarai Verbatim Dipetik Sebagai Unit Kajian	132
6 Senarai Verbatim Dipetik Sebagai Unit Kajian	143
7 Panduan Temu Bual/Temu Ramah Berpandu	149
8 Templet Ringkasan Kerangka Kajian	150

## SENARAI SINGKATAN

BPnJ	Bukan Penutur Jati
BS	Bahasa Sasaran ( <i>targeted language</i> )
G	Kedai Gunting/Salon
HI	Hipotesis Interaksional
K	Kedai/Premis lain
PnJ	Penutur Jati
P	Pengulangan ( <i>repetition</i> )
PF	Pemeriksaan Pemahaman ( <i>comprehension checks</i> )
PJ	Permohonan Penjelasan ( <i>clarification request</i> )
PS	Pemeriksaan Pengesahan ( <i>confirmation checks</i> )
R	Restoran
S	Subjek kajian
SKB	Skala Kecekapan Bahasa
V	Verbatim

# BAB 1

## PENDAHULUAN

### 1.1 Pengenalan

Persembahan penulisan keseluruhan kajian ini telah dibahagikan kepada lima bahagian atau bab-bab oleh pengkaji. Pada bahagian ini iaitu Bab 1 pengkaji akan menjelaskan berhubung pengenalan terhadap struktur kajian, pendekatan dan konsep kajian. Turut diperjelaskan dalam bab ini ialah aspek berhubung pernyataan masalah kajian, seterusnya objektif kajian, sebelum membincangkan berkenaan persoalan-persoalan kajian, signifikan kajian, seterusnya skop dan batasan. Akhirnya penghuraian berhubung definisi-definisi berkaitan penyelidikan secara ilmiah, harfiah dan operasional diberikan.

### 1.2 Latar Belakang Kajian

Bahasa kedua (B2) adalah merupakan bahasa yang dikuasai atau cuba dipelajari oleh seseorang penutur secara sadar (*consciously learned*). Bahasa ini dikuasai setelah seseorang itu menguasai bahasa pertamanya (B1) secara semula jadi (*naturally*) atau tanpa disedari (*subconsciously*) (Krashen, 1981). Selain itu B2 juga dapat dikuasai melalui kaedah pembelajaran mahupun pemerolehan bahasa (Piaget, 1970). Maka itu dapat dijelaskan bahawa proses mempelajari bahasa manusia itu terdiri daripada dua disiplin yang utama iaitu i) pemerolehan B1, yang merupakan bahasa yang diperolehi buat pertama kali dalam hidup oleh anak-anak kecil daripada ibu bapa, ahli keluarga dan persekitarannya. Manakala kaedah pemerolehan yang kedua ialah melalui proses ii) penguasaan B2 iaitu usaha mempelajari atau menguasai bahasa yang kedua atau yang bahasa yang lain pula selepas mereka menguasai asas B1 (Kamaruddin Hj Husin, 1998).

Dikatakan bahawa B1 dikuasai oleh anak-anak kecil secara proses semula jadi iaitu tanpa disedari (*unconsciously learned*). Bahasa ini disebutkan sebagai bahasa ibunda. Anak-anak kecil ini akan cuba berkomunikasi dengan para ahli keluarganya menggunakan bahasa ini. Ia dikuasai melalui pendedahan kepada penggunaan bahasa ini dalam interaksi seharian mereka. Sedikit demi sedikit ia dikuasai melalui proses peniruan, pembedahan dan cuba-jaya sehingga mencapai tahap penguajaran dan penggunaan yang betul seiring kematangan alat artikulasinya. Kesemua proses ini berlangsung tanpa disedari oleh mereka malah oleh ibu bapa (Mitchell, Myles, & Marsden, 2013).

Apabila semakin membesar dan dewasa timbul keperluan kepada anak-anak kecil ini untuk berinteraksi dengan ruang lingkup yang lebih luas, dan selalunya pada tahap berkenaan akan didapati bahawa bentuk dan sosok bahasa yang digunakan akan berlainan daripada B1 mereka lalu mewujudkan keperluan untuk mereka menguasai bahasa baharu berkenaan pula, agar mereka tidak ketinggalan dengan tuntutan persekitaran dan arus perkembangan semasa.

Hal yang sama berlaku dalam kalangan dewasa apabila keperluan sosioekonomi mereka menimbulkan keperluan kepada mereka untuk menguasai B2 atas sebab-sebab tertentu. Menurut Kamaruddin, B2 yang perlu mereka kuasai tersebut adalah bahasa yang kedua atau selain daripada bahasa ibunda yang dipelajari oleh seseorang itu pada peringkat awalnya di samping bahasa kandung yang dia peroleh. Bahasa kedua ini adalah bahasa asing yang dipelajari untuk tujuan-tujuan tertentu (Kamaruddin Hj Husin, 1998).

Dalam kajian ini golongan imigran India yang datang dari wilayah selatan India khususnya dari wilayah Chennai, ke Malaysia iaitu secara spesifiknya ke daerah Beaufort, Sabah, adalah atas tujuan memenuhi desakan keperluan sosioekonomi mereka. Atas faktor berkenaan maka mereka perlu bergaul dan berniaga dalam persekitaran linguistik yang memerlukan mereka berinteraksi dengan masyarakat tempatan yang bertutur dalam bahasa yang sepenuhnya asing bagi mereka iaitu bahasa Melayu dialek Sabah (BMDS). Menurut Dornyei dan Tseng di dalam Mackey dan Polio (Mackey & Polio, 2009) fenomena ini menimbulkan persekitaran linguistik yang berupa tekanan dan keperluan untuk berinteraksi dengan masyarakat di persekitaran mereka khususnya pelanggan, yang dirujuk sebagai tekanan komunikasi (*communicative pressure*). Namun ironinya, melalui kajian tinjauan pemerhatian penyelidik di lapangan kajian mendapati, selalunya mereka akan dapat menguasai sekurang-kurangnya aspek asas bahasa dalam B2 berkenaan secara informal selepas bersosialisasi selama tiga hingga enam bulan sahaja dan malahan tanpa perlu mengikuti mana-mana kelas pembelajaran B2 pun baik secara formal atau nonformal. Mereka juga secara umumnya didapati akan lancar bertutur BMDS dalam tempoh sekitar lapan belas bulan mempraktikkannya. Sekiranya dilihat keperluan penguasaan B2 itu hanyalah sebagai medium untuk berkomunikasi secara asas sahaja maka dapatlah disimpulkan bahawa pencapaian mereka ini boleh dianggap berjaya. Penguasaan B2 secara interaksional ini adalah menggunakan pendekatan informal, selaras seperti salah satu kelompok penguasaan bahasa dinyatakan Ellis bahawa pembelajaran B2 itu terbahagi kepada dua kelompok yang utama iaitu secara 1) formal (dan nonformal) dan 2) informal (Ellis, 2007, 2009).

Dalam kes ini kajian awal pengkaji mendapati bahawa golongan imigran berkenaan mempelajari atau cuba menguasai B2 melalui kaedah berinteraksi dengan masyarakat setempat iaitu melalui pendekatan interaksional semata-mata. Dalam fasa berkenaan mereka akan didedahkan oleh majikan mereka secara langsung kepada situasi persekitaran linguistik bahasa dan interaksi bersama penutur jati B2 tersebut (Noor Zila Md Yusof & Amir b. Juhari, 2013) meskipun tanpa sebarang asas bahasa dalam B2 berkenaan. Dalam keadaan tersebut mereka membiarkan proses pembelajaran atau penguasaan bahasa secara semula jadi mengambil tempat. Interaksi yang berlaku secara semula jadi ini berlangsung dalam persekitaran linguistik yang seakan “dipaksakan” kepada mereka. Bermula dengan komunikasi-komunikasi ringkas menggunakan isyarat contohnya isyarat-isyarat tangan (dapatan kajian) dan perkataan-perkataan ringkas seperti “makan?”, “minum?”, seterusnya tahap frasa hinggalah ke tahap sintaksis iaitu boleh berinteraksi menggunakan binaan struktur ayat, proses penguasaan B2 secara interaksional berlaku peringkat demi peringkat, seiring perjalanan waktu dan progres mereka.

Sehubungan itu kajian ini akan mengupas perspektif konteks penguasaan B2 dalam kalangan golongan imigran India berkenaan secara pragmatik dari sudut bentuk-bentuk serta mekanisme interaksional yang terlibat, serta faktor-faktor yang menyumbang kepada prestasi penguasaannya yang dilihat relatif pantas dan berkesan (Abdullah Hassan, 1987) berbanding pendekatan konvensional.

Bagi lebih memahami konteks kajian ini pengkaji telah meneliti dan menjalankan beberapa sorotan kajian bersesuaian yang telah dijalankan oleh para pengkaji linguistik dari dalam dan luar negara. Kajian-kajian berkenaan khususnya membincangkan serta mengkaji bidang psikolinguistik dan pragmatik dengan memfokuskan kepada pendekatan interaksional. Pendekatan ini ditandai bermula dengan Hipotesis Input oleh Krashen (Krashen, 1977) dan Fungsi Interaksional oleh Halliday (Halliday, 2013).

Pendekatan interaksional menggunakan Hipotesis Interaksional oleh Long (1996) (diperkemas) akan digunakan sebagai asas kajian. Pendekatan interaksional mula mendapat perhatian apabila mula dikaji dan direkodkan pemetaan konsepnya dengan lebih jelas oleh Long (Long, 1981, 1983b, 1983a) melalui kajian responnya terhadap hipotesis input Krashen iaitu Hipotesis Interaksional (Long, 1996). Teori ini seterusnya dipermantapkan lagi sisi struktur persepsinya melalui edisi dipermantap pada 1996 dalam hasil kajian beliau bertajuk "*The Role of the Linguistic Environment in Second Language Acquisition*" (Long, 1996), dan lain-lain kajian lagi yang berkaitan pendekatan interaksional. Kesemua kajian berkenaan dibincangkan dalam Bab 2.

Seterusnya dengan mengambil kira gagasan perspektif petikan sorotan-sorotan kajian di atas, maka dari segi harfiahnya kajian ini akan cuba pula mengesan bentuk-bentuk pendekatan interaksional yang digunakan dalam kajian kes ini secara eksploratori, seterusnya menjelaskan keberkesanan penguasaan bahasa menggunakan pendekatan interaksional tersebut. Kajian ini juga akan cuba memfokuskan perbincangan bagi menjawab persoalan-persoalan berkaitan faktor-faktor yang menyumbang kepada keberkesanan penguasaan B2 dalam kes kajian berdasarkan analisis ke atas data-data empirikal daripada dapatan-dapatan kajian lapangan yang dijalankan terhadap subjek-subjek terpilih di lapangan. Dapatan-dapatan dan perbincangan berkenaan aspek ini dibincangkan dalam Bab 4, yang juga melibatkan berkenaan dapatan dan usaha untuk mencari penjelasan terhadap faktor yang menyumbang kepada keberkesanan aktiviti penguasaan B2 yang digunakan oleh golongan imigran India di pekan Beaufort, secara eksploratori.

Manakala rumusan akhir berhubung perbincangan dapatan berkenaan ketiga-tiga objektif yang cuba dicapai di atas akan dibincangkan pada Bab 5; Rumusan dan cadangan. Akhirnya pada keseluruhan kajian ini akan membincangkan dan memenuhi sosok tajuk kajian ini iaitu "Penguasaan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua imigran India di Pekan Beaufort".

Pelbagai persepsi umum berkenaan kaedah dan pendekatan untuk mempelajari atau menguasai B2 dengan berkesan wujud oleh pelbagai pihak sama ada melibatkan golongan yang terlibat secara langsung dalam pendidikan atau masyarakat umum amnya. Terdapat juga pelbagai institusi atau badan yang turut menyediakan kelas-kelas serta kursus-kursus formal dan nonformal bagi persediaan pelbagai pihak menguasai B2 untuk tujuan tertentu, contohnya kepada para bakal tenaga kerja yang datang dari luar negara ke Malaysia yang berhasrat untuk bekerja, belajar atau mungkin menetap di negara ini malah boleh jadi juga kepada pihak yang sekadar berminat menguasai B2 berkenaan. Namun yang menariknya dalam masa yang sama Bahasa Melayu sebagai B2 itu juga dilihat dapat dikuasai oleh kalangan bukan penutur jati (BPnJ) bahasa berkenaan tanpa menggunakan laluan formal dan nonformal di atas. BPnJ berkenaan menggunakan pendekatan informal yang ternyata menggunakan pelbagai pendekatan dan kaedah yang lebih bersifat naturalistik. Salah satunya yang agak berjaya dan pantas ialah menggunakan pendekatan interaksional yang dapat diasosiasikan dengan sisi perspektif Hipotesis Interaksional oleh Long (Long, 1996). Sisi berkenaan bakal dibincangkan dalam kajian ini khususnya dalam Bab 4. Sehubungan itu timbul persoalan apakah bentuk pendekatan penguasaan yang digunakan? kenapakah pendekatan berkenaan lebih berkesan? bagaimana mekanisme pendekatan berkenaan beroperasi dan berfungsi? Serta apakah faktor-faktor lain yang terlibat yang membantu menjayakan matlamat penguasaannya?

### 1.2.1 Penguasaan Bahasa Kedua

Konsep bilingualisme adalah sesuatu yang relatif positif boleh berlaku kepada semua penutur natif mana-mana bahasa di dunia. Terdapat pandangan biasa yang mengatakan bahawa prestasi dan kemampuan penguasaan B2 adalah dinamik selari dengan usia, namun begitu masih terdapat banyak kes yang membuktikan bahawa penguasaan B2 dalam kalangan dewasa sebenarnya masih boleh berlaku. Berdasarkan kajian seperti yang pernah dijalankan oleh Steiner (Steiner, 1975 dalam Pavlenko, 1998)), dan kajian Pavlenko sendiri, yang turut menemukan juga kes individu yang berjaya menguasai B2 ketika di luar daripada fasa awal pemerolehan bahasa kanak-kanak. Malah didapati sehinggakan terdapat subjek kajian yang mampu mencapai pencapaian yang baik contohnya hingga mencapai tahap yang tinggi seperti menjadi penulis atau ilmuan dalam B2 berkenaan. Antara penulis berkenaan ialah seperti Rodriguez dengan karyanya *Hunger of Memory* (1982), Hoffman, *Lost in Translation* (1989), Kaplan, *Lessons in French* (1993), Chang Rae Lee, *Native Speaker* (1995) dalam Pavlenko (Pavlenko, 1998).

Laluan penguasaan B2 dalam kalangan dewasa dapat dianalisis melalui dua persepsi linguistik iaitu pembelajaran bahasa secara sedar (*consciously learned*) dan pembelajaran atau penguasaan subsedar atau bawah sedar (*subconsciously learned*) yang dikaji oleh Krashen di bawah Hipotesis Monitor beliau (Krashen, 1981). Dalam kajian ini perbincangan akan difokuskan kepada perspektif penguasaan subsedar iaitu melalui pendekatan naturalistik interaksional golongan dewasa yang juga diaplikasikan oleh Long dalam teori interaksional beliau..


Usaha dalam menguasai B2 ini dilihat amat berkait rapat dengan peranan aspek interaksi dalam aktiviti bahasa sebagai medium dan faktor-faktor persekitaran linguistik bahasa lain sebagai pemangkinnya. Melalui pelaksanaan kajian rintis yang telah dikelolakan sebelumnya, dapatan kajian pengkaji menunjukkan bahawa melalui beberapa peranan mekanisme interaksi khususnya interaksi antara PnJ dengan BPnJ, dikesan telah berjaya dimanfaatkan dengan sebaiknya sebagai pendekatan yang praktikal dalam usaha menguasai B2. *“...kini sudah diterima umum... bahawa terdapat hubungan kukuh antara interaksi dan pembelajaran”* (P.176) oleh Gass & Mackey (2006) dalam Oliver (Oliver, 2009). Melalui aktiviti interaksi berkenaan pelbagai bentuk peluang terbuka untuk proses pembelajaran atau penguasaan B2 oleh BPnJ. Peluang-peluang berkenaan dapat dirincikan perbincangannya kepada beberapa mekanisme interaksional berkaitan penguasaan B2 yang bersifat berinterlokasi antara satu sama lain. Hasilnya kemudiannya tergambar pada tahap penguasaan B2 yang semakin meningkat dalam kalangan BPnJ tersebut selari peredaran masa.

### **1.2.2 Penguasaan Bahasa Kedua Dalam Kalangan Imigran**

Keperluan latihan dan penguasaan B2 dalam kalangan pekerja khususnya imigran yang digunakan untuk tujuan berkomunikasi dalam persekitaran urusan seharian khususnya perniagaan dan urusan rasmi adalah sangat signifikan. Interaksi antara pengurus dengan pekerja dan subordinat contohnya, dan seterusnya antara sesama pekerja dan malah antara pekerja dengan pelanggan yang selalunya terdiri daripada kalangan PnJ menjadi semakin mudah dan praktikal apabila penggunaan bahasa yang bersifat lazim kepada kedua-dua pihak dapat dimanfaatkan sewajarnya. Urusan dan arahan mampu disalurkan dengan berkesan, pantas dan mudah dalam kalangan imigran berkenaan dan persekitaran kerja mereka, seperti pada Rajah 1.1 : Interaksi majikan, subordinat dan pelanggan dalam persekitaran kerja, di bawah. Dengan itu, mereka dapat menyempurnakan tanggungjawab tugas mereka sewajarnya. Goldstein menggambarannya sebagai;

*“...program latihan bahasa kedua untuk para pekerja imigran pada kebiasaannya dibentuk bagi membina kemahiran-kemahiran bahasa yang diperlukan dalam sesuatu bahasa berkenaan untuk dapat digunakan pada masa menjalankan tugas dan melaksanakan tanggungjawab mereka”.*

(Goldstein, 1994).



**Rajah 1.1 : Interaksi majikan, subordinat dan pelanggan dalam persekitaran kerja**

Melalui komunikasi dan interaksi antara pekerja dan subordinatlah segala perihal penting dapat disampaikan, diluahkan, dikongsikan dan penyelarasan tugas organisasi dijalankan. Intipati utama peranan penguasaan B2 di sini sudah tentulah bertujuan untuk memungkinkan sebarang maklumat berkenaan bidang kerja dapat diterima, dikongsikan, disampaikan atau disimpan, di samping bukanlah bagi membolehkan golongan berkenaan berasimilasi ke dalam masyarakat setempat semata-mata.

Kemampuan untuk berkomunikasi dan berasimilasi dengan berkesan bersama PnJ seterusnya akan memudahkan penyampaian serta penyelarasan maklumat berhubung bidang kerja yang melibatkan mereka. Kejayaan penglibatan dalam sesuatu interaksi tidak hanya dilihat melalui kemampuan menyesuaikan diri ke dalam masyarakat sasaran malah turut melibatkan kemampuan melaksanakan kerja melalui percakapan (Newton & Kusmierczyk, 2011).



### 1.2.3 Penguasaan Bahasa Melayu sebagai B2 dalam kalangan imigran India di Pekan Beaufort, Sabah

Daerah Beaufort khususnya pekan Beaufort adalah merupakan tumpuan kegiatan sosioekonomi penduduk setempat. Malah pekan ini yang terletak agak ke selatan di kawasan pantai barat negeri Sabah, kira-kira 100km ke selatan Kota Kinabalu juga merupakan titik tengah tumpuan pertemuan antara penduduk dari Kota Kinabalu, Kudat dan Papar di utaranya, Tambunan, Ranau dan Keningau di sebelah pedalaman iaitu tenggara, Sandakan, Tawau, Lahad Datu dan Semporna di sebelah timurnya, Labuan, Menumbok dan Kuala Penyu di sebelah baratnya serta Sarawak dan Brunei pula di sebelah selatan seperti ditunjukkan pada Peta 1.1 : Peta Negeri Sabah menunjukkan lokasi Daerah Beaufort (bertanda hijau) berikut;



**Peta 1.1 : Peta Negeri Sabah menunjukkan lokasi Daerah Beaufort (bertanda hijau)**

(Sumber : Google-maps)

Lokasi daerah Beaufort yang unik ini menjadikannya amat pesat membangun dengan menyaksikan sekurang-kurangnya terdapat lima zon bandar baru dibangunkan hingga kini, iaitu seperti berikut; i) Bandar Minggu, ii) 1-Beaufort, iii) Beaufort Sentral, iv) Lumat Sentral dan v) Beaufort Square. Lokasi yang strategik ini menimbulkan pertembungan sosio budaya berbahasa yang seterusnya mendorong BMDS mendapat tempat sebagai sarana komunikasi pilihan utama masyarakat sekitar khususnya masyarakat imigran dikaji.

Pembangunan pesat lima hingga sepuluh tahun kebelakangan dan tumpuan lokasi strategik ini menyaksikan banyak premis perniagaan baru turut dibuka seterusnya menarik kemasukan ramai peniaga termasuk sumber tenaga manusia dalam kalangan

imigran yang cuba merebut peluang yang terbuka luas untuk memperbaiki sosioekonomi masing-masing. Contohnya rujuk Peta 1.2 : Pekan Beaufort yang pesat membangun.

Dalam hubungan inilah keperluan sesuatu B2 yang dapat berperanan untuk digunakan secara efektif sebagai sarana komunikasi amat diperlukan. Hubungan antara keperluan penguasaan B2 golongan imigran dengan pembangunan sememangnya tidak dapat dipisahkan. Apabila mengambil kira kepelbagaian kaum di Sabah dan ditambah lagi dengan potensi kerencaman latar belakang imigran yang berhijrah masuk ke pekan Beaufort sebegini maka penguasaan B2 yang berkesan adalah amat relevan dalam kalangan imigran.



**Peta 1.2 : Pekan Beaufort yang pesat membangun**

(Sumber : Google-maps)

Fenomena bahasa yang terkait dengan proses urbanisasi ini adalah bersifat lazim kepada mana-mana kawasan yang terlibat pembangunan. Bandaraya Kuala Lumpur misalnya menyaksikan kemasukan pelbagai latarbelakang imigran pada peringkat awalnya daripada kaum Cina, dan India, hinggalah kepada kini bangsa Arab, Afrika, Bangladesh dan sebagainya. Berkongsi satu persamaan, mereka ini perlu akan komunikasi dan interaksi sesama anggota masyarakat dan pelanggan dalam urusan seharian. Hasilnya Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris menjadi pilihan mereka untuk dijadikan lingua-franca.

Fenomena sama berlaku di lokasi kajian pengkaji di Beaufort, Sabah. Salah satu kelompok yang menarik minat pengkaji ialah imigran dari selatan India berketurunan Tamil. Isu menariknya, mereka ini majoritinya dapat menguasai bahasa tempatan khususnya Bahasa Melayu Dialek Sabah (BMDS) sebagai B2, malah dalam sesetengah kes mereka turut mampu menguasai bahasa sukuan juga contohnya bahasa Bisaya dan Brunei, dengan agak relatif pantas. Melalui tinjauan awal dan kajian rintis pengkaji (kajian rintis 2013) mendapati masa yang diambil bagi menguasai kemahiran dan struktur asas bahasa tempatan yang menjadi B2 mereka ini hanya memakan masa sekitar 6 bulan hingga ke setahun atau selewat-lewatnya setahun setengah sahaja untuk mencapai tahap boleh berkomunikasi secara asas.

### 1.3 Pernyataan Masalah

Terdapat beberapa permasalahan berhubung isu kajian yang dapat dikesan oleh pengkaji dalam kajian ini. Melalui kajian tinjauan dan rintis yang telah dijalankan (2013) didapati bahawa kaedah penguasaan B2 yang lebih praktikal dan efektif khususnya mekanisme-mekanisme yang sepatutnya digunakan dalam penguasaan B2 masih kurang difahami mahupun diaplikasikan oleh masyarakat terlibat. Secara teorinya terdapat pelbagai mekanisme penguasaan B2 yang berkesan yang sepatutnya dapat digunakan bagi membantu kejayaan usaha berkenaan namun masih kurang dipraktikkan golongan terlibat. Maka itu satu kajian bagi mengenal pasti bentuk mekanisme penguasaan bahasa Melayu sebagai B2 yang lebih berkesan itu perlu dijalankan agar mekanisme berkenaan dapat lebih difahami dan seterusnya dimanfaatkan amalannya khususnya dalam bidang berkaitan usaha penguasaan B2. Hal yang menarik ditemukan pada kajian rintis pengkaji, yang mendapati bahawa para peserta kajian turut mampu menguasai B2 mereka dengan baik meskipun tanpa perlu mengikuti mana-mana kelas persediaan bahasa. Ringkasnya mereka juga turut berjaya mencapai tahap penguasaan bahasa yang diperlukan sama seperti program yang dijalankan melalui kaedah konvensional di pusat-pusat pembelajaran, kelas-kelas persediaan B2 atau kelas-kelas yang dikendalikan di sekolah-sekolah. Malah boleh dikatakan melalui perbandingan ini juga didapati bahawa usaha penguasaan B2 melalui pendekatan interaksional ini secara relatifnya adalah lebih pantas mencapai objektifnya berbanding kaedah konvensional berkenaan. Fenomena di atas membuka peluang kepada pengkaji untuk mengkaji lebih lanjut berhubung amalan mekanisme interaksional tersebut. Maka kajian yang berfokuskan permasalahan kajian yang pertama ini diharapkan kelak akan dapat membantu pengkaji mengenal pasti faktor sokongan kepada keberkesanan proses penguasaan B2 tersebut seterusnya diharapkan dapat membantu meningkatkan pemahaman pengkaji dalam bidang penguasaan B2 itu sendiri. Maka selari dengan objektif pertama kajian iaitu untuk mengenal pasti bentuk-bentuk mekanisme interaksional yang digunakan dalam kalangan BPnJ di pekan Beaufort, kajian ini dijalankan bagi menjawab permasalahan kajian berhubung apakah mekanisme-mekanisme interaksional berkenaan dan bagaimanakah penggunaannya dalam proses penguasaan B2 mereka itu berjalan?

Seterusnya, berdasarkan Teori Long (1996) penguasaan B2 menggunakan sekurang-kurangnya empat mekanisme penguasaan bahasa yang disokong dengan kombinasi beberapa amalan interaksional lain seperti latihan tubi, demonstrasi, eksperimentasi dan perundingan makna (*meaning negotiation*) yang menjadikannya lebih praktikal dan

efektif. Namun, berdasarkan kajian tinjauan pengkaji juga mendapati bahawa kombinasi mekanisme-amalan yang mampu menggalakkan dan menyokong penguasaan B2 ini juga masih kurang difahami oleh masyarakat khususnya para pengusaha program-program penguasaan B2, contohnya kelas-kelas persediaan bahasa konvensional. Justeru itu kajian berhubung hal ini amat perlu dijalankan bagi meningkatkan pemahaman masyarakat terhadap peranan dan sumbangannya kepada kejayaan usaha penguasaan B2. Bagi memahami lebih lanjut berkenaan persoalan berhubung kombinasi berkenaan pengkaji menemukan beberapa kajian berkaitan antaranya kajian yang telah dijalankan oleh Mohd. Helmi dan Puteri Roslina (Mohd Helmi Pangat & Puteri Roslina Abdul Wahid, 2016) ke atas sekumpulan pelajar SJK(C). Kajian dibuat terhadap strategi komunikasi lisan pelajar-pelajar berkenaan dan mendapati strategi pengguguran mesej (57%) adalah merupakan strategi yang dominan diikuti rayuan kerjasama (13%) dan penghuraian (9%). Objektif kajian berkenaan adalah untuk mengenal pasti bentuk-bentuk strategi yang digunakan oleh BPnJ dalam mempelajari B2 mereka, namun begitu aspek mekanisme-mekanisme interaksional versi Long hanya disentuh sedikit sahaja atau tidak termasuk ke dalam batasan kajian mereka. Begitu juga dengan beberapa kajian yang lain yang masih belum memfokuskan kepada bentuk-bentuk mekanisme interaksional secara khusus, tetapi masih berkaitan secara langsung. Tinjauan pengkaji mendapati bahawa banyak kajian berhubung penguasaan B2 telah dijalankan di luar negara namun masih belum banyak kajian berkenaannya dijalankan oleh pengkaji tempatan khususnya yang memfokuskan kepada pendekatan interaksional. Malahan kajian berhubung penguasaan B2 dalam kalangan BPnJ yang mengkhususkan kepada mekanisme-mekanisme interaksional masih kurang dan perlu diperluaskan (Fatin Rabiha Abdul Kadir & Zaitul Azma Zainon Hamzah, 2017). Keadaan ini memberikan peluang kepada pengkaji untuk menjalankan kajian yang lebih rinci tentang mekanisme-mekanisme berkenaan.

Bagi memahaminya pengkaji menemukan dan membandingkan kes dikaji dengan satu lagi kajian yang dijalankan oleh Siahaan (Siahaan, 2017). Kajian beliau adalah mengkaji golongan personel dan peniaga di bandar pelanconan Tomok Indonesia yang berinteraksi secara langsung dengan para pelancong luar negara yang berkunjung ke lokaliti kajian sehingga memungkinkan mereka dapat menguasai B2 mereka. Kajian ini didapati yang paling hampir dengan kes kajian pengkaji, memandangkan medium interaksi yang terlibat ialah interaksi urusniaga seharian antara para peniaga dengan golongan pelancong yang bertutur dalam bahasa Inggeris. Persamaannya dengan kajian pengkaji ialah peniaga atau peserta kajian tiada atau kurang menguasai bahasa Inggeris sebagai B2 dan berusaha menguasainya melalui interaksi seharian mereka. Namun begitu kajian mekanisme interaksional B2 berkenaan hanya melibatkan 3 mekanisme sahaja iaitu P, PF dan PJ sahaja. Sama seperti kes yang dialami oleh peserta kajian pengkaji dalam kajian ini, usaha penguasaan bahasa mereka adalah lebih bersifat sederhana dengan hanya memanfaatkan pendekatan interaksional ataupun lebih tepatnya mekanisme bahasa interaksional Long sahaja, namun kepantasan pencapaian hasilnya adalah signifikan. Sekiranya perbincangan kajian adalah berasaskan kepada perspektif bahawa keperluan asas bahasa bagi golongan imigran ini adalah semata-mata untuk berkomunikasi dan menyempurnakan interaksi tugas dalam ruang lingkup sosioekonomi mereka, maka bolehlah dikatakan bahawa secara umumnya golongan imigran India di pekan Beaufort ini berjaya menguasai BMDS laras bahasa pasar dengan berkesan. Usaha mempelajari BMDS laras bahasa pasar ini dapat dilihat selaras dengan matlamatnya iaitu untuk tujuan komunikasi dengan PnJ sebagai interlokutor atas tujuan

keperluan perniagaan dan tuntutan persekitaran seperti yang berlaku pada golongan imigran India di Pulau Pinang dalam satu kajian yang lebih awal oleh Abdullah Hassan (Abdullah Hassan, 1980). Ironinya, proses pembelajaran B2 mereka tersebut juga tidak berasaskan pendekatan sistem kursus melalui mana-mana kelas persediaan bahasa secara formal atau nonformal seperti kelas persediaan bahasa, kelas intensif bahasa atau tuisyen untuk mencapai objektifnya. Sebaliknya usaha berkenaan hanyalah melalui proses latihan tubi, amali, pengamalan dan pengalaman (pendekatan interaksional) (Long, 1981, 1983a, 1983b).

Sebagai lanjutannya, jika perbincangan kajian mengambil kira pertimbangan bahawa bahasa sasaran yang cuba dikuasai tersebut adalah merupakan B2 kepada BPnJ maka realiti situasi pembelajaran bahasa formal semasa turut boleh diteliti semula. Kajian mungkin boleh dilaksanakan dengan meninjau data perbandingan dan data-data sokongan perbincangan terhadap dapatan kajian. Hal ini demikian kerana pada realitinya situasi berkaitan masih menunjukkan bahawa hingga ke peringkat pengajian tinggi pun masih terdapat para pensyarah yang mengadu berkenaan isu tentang terdapatnya pelajar tempatan yang masih tidak mampu menulis dalam bahasa Inggeris (B2) dengan betul meskipun setelah mempelajari bahasa Inggeris melalui pendidikan formal selama sekurang-kurangnya tiga belas tahun, contohnya dalam kajian oleh Tan Bee Hoon (Tan Bee Hoon, 2006). Sementelahan, kedua-dua fenomena tersebut sebenarnya berkongsi persamaan daripada segi hasrat mencapai objektifnya iaitu usaha penguasaan B2 yang efektif.

Selain daripada itu didapati wujud juga justifikasi berkaitan hubungan antara kombinasi mekanisme-amalan dengan faktor lain yang perlu diambil kira bagi menentukan kejayaan penguasaan B2 mengikut Teori Long. Antaranya ialah seperti faktor persekitaran linguistik bahasa, respon, sikap dan motivasi, pempidginan bahasa, akulturasi dan perancah (*scaffolding*). Rumusan berkaitan hubungan antara ketiga-tiga aspek di atas perlu dihasilkan agar gambaran yang lebih jelas berkenaan penguasaan B2 yang efektif dapat diperolehi bagi meningkatkan pemahaman masyarakat. Maka itu, kajian ini dijalankan bagi menghasilkan satu perspektif yang lebih jelas berhubung usaha penguasaan B2 yang lebih berkesan. Maka pada akhirnya satu rumusan perlu digeneralisasikan bagi meningkatkan kefahaman semua pihak berhubung perihal faktor kepada kewujudan perbezaan latar masa yang diperlukan untuk menguasai B2 dalam kedua-dua pendekatan interaksional dan konvensional. Sehubungan itu, selaras dengan objektif ketiga kajian ini pengkaji kemudiannya meneliti pula dapatan kajian yang telah dijalankan oleh Hisyam (Hisyam Zaini, 2017) yang mendapati bahawa penglibatan aktif secara interaktif bersama persekitaran linguistik bahasa dan interlokutor bahasa sasaran atau jelasnya pendekatan penguasaan B2 interaksional adalah amat penting dalam menyumbang kejayaan penguasaan B2. Walaupun kajian-kajian lepas telah dapat membantu memberi gambaran dan input kepada pengkaji tentang permasalahan perbezaan kadar masa penguasaan B2 dalam kalangan BPnJ, namun kajian-kajian berkenaan masih belum menyentuh secara rinci berkenaan penggunaan, aplikasi dan operasinya. Oleh itu, pengkaji telah menjalankan kajian rintis ke atas 20 orang imigran India di pekan Beaufort pada 2013. Dapatan awal mendapati bahawa golongan ini berlatih untuk menguasai BMDS sebagai B2 mereka melalui proses penguasaan secara interaksional semata-mata. Namun begitu peratus kejayaan mereka adalah tinggi dan

perkara ini adalah dianggap unik sehingga menimbulkan persoalan berhubung kaedah dan pendekatan yang digunakan serta cara amalannya. Hal ini agak unik berbanding kebanyakan kelas-kelas persediaan bahasa konvensional memandangkan selalunya pihak terlibat memerlukan pendekatan dan siri kuliah tertentu bagi membolehkan BPnJ menguasai B2 mereka seperti tahap dicapai golongan imigran ini.

Kesimpulannya, kajian ini digerakkan adalah atas perspektif bahawa pendekatan penguasaan B2 secara interaksional juga mampu dimanfaatkan untuk mencapai objektif penguasaan secara efektif, selain melalui kursus-kursus bahasa secara formal dan nonformal konvensional.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Pengoperasian keseluruhan perjalanan kajian ini adalah berteraskan kepada objektif-objektif seperti yang dinyatakan berikut;

1. Mengenal pasti bentuk mekanisme penguasaan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua imigran India di pekan Beaufort.
2. Menganalisis mekanisme penguasaan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua imigran India di pekan Beaufort, Sabah dengan menggunakan teori Long (1996).
3. Merumuskan penguasaan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua imigran India di pekan Beaufort, Sabah

#### **1.5 Persoalan Kajian**

Bahagian ini seterusnya akan membawa perbincangan kepada persoalan-persoalan kajian berdasarkan pembahagian objektif seperti;

1. Apakah bentuk pendekatan interaksional penguasaan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua yang diamalkan oleh imigran India di pekan Beaufort, Sabah. (Objektif 1)
2. Adakah pendekatan interaksional dapat diaplikasikan dalam mekanisme penguasaan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua imigran India di pekan Beaufort, Sabah berdasarkan teori Long (1996)? (Objektif 2), dan seterusnya,
3. Apakah rumusan mekanisme pendekatan interaksional penguasaan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua imigran India di pekan Beaufort, Sabah? (Objektif 3)

Berbeza dengan pendekatan yang digunakan di pusat-pusat pembelajaran secara formal atau nonformal misalnya di sekolah-sekolah, kelas persediaan bahasa atau pusat pembelajaran swasta, para pelajar kebiasaannya mempelajari pelbagai B2 seperti bahasa Inggeris, Perancis, Arab dan Mandarin secara induktif (Bhg Perkembangan Kurikulum, 2004). Pendekatannya selalunya bermula dengan mempelajari sistem nahu terlebih

dahulu, berbanding dengan yang berlaku dalam usaha penguasaan bahasa secara interaksional ini yang mendahului amali komunikatif. Maka untuk pengupasan ilmiah yang lebih fokus, dalam kajian ini pengkaji akan cuba mengupas berkenaan penguasaan B2 melalui pendekatan interaksional semata-mata. Bagi perbincangan yang lebih rinci pengkaji akan cuba menjawab persoalan berkenaan perihal bentuk, operasi aplikasi dan seterusnya rumusan penggunaannya.

## 1.6 Signifikan Kajian

Kajian ini cuba mengkaji kaedah penguasaan B2 berpendekatan informal, melalui kaedah penguasaan B2 berpendekatan Interaksional menggunakan Hipotesis Interaksional (dipermantap) oleh Michael H. Long (Long, 1996). Teori ini adalah berasaskan teori pelaziman pengalaman (Behaviorisme).

Signifikannya kajian ini dijalankan ialah apabila penelitian dibuat dengan mengambil kira hasil perbandingan pencapaian akhir kedua-dua pendekatan, khususnya dari segi objektif dan matlamatnya. Contohnya berdasarkan kajian rintis pengkaji (2013) mendapati bahawa kaedah penguasaan B2 berpendekatan interaksional ini juga berjaya menghasilkan penutur B2 yang dapat bertutur dan berkomunikasi dalam B2 sama seperti pendekatan-pendekatan penguasaan B2 formal yang lainnya. Malah rekod juga menunjukkan objektif penguasaannya berjaya dicapai dalam tempoh proses penguasaan yang relatif pantas, berbanding kaedah formal dan nonformal konvensional.

Golongan ini unik dan eksklusif untuk dikaji atas pertimbangan bahawa latar belakang mereka yang tidak mempunyai asas bahasa Melayu malah tidak bertuturpun dalam bahasa Melayu di tempat asal mereka. Namun begitu dalam jangka masa yang agak relatif pantas, mereka masih mampu menguasai asas BMDS. Mereka datang ke Malaysia lewat beberapa tahun ini sahaja namun dalam masa yang sama juga mereka dapat berasimilasi bersama masyarakat tempatan khususnya dalam aspek penguasaan bahasa. Menurut bancian Jabatan Perangkaan Malaysia Sabah 2010-2015, daripada 60,402 penduduk Beaufort warganegara Malaysia, seramai 145 sahaja berketurunan India (0.24%) manakala yang bukan warganegara pula tidak melebihi tambahan 100 orang lagi (Jabatan Perangkaan Malaysia Sabah, 2015). Pecahan peratusan yang kecil berbanding etnik tempatan ini lebih memberikan peluang kepada mereka terdedah kepada pengaruh akulturasi dengan sosiobudaya tempatan (Schumann, 1986, 1990). Pendedahan kelompok minoriti kepada komunikasi kelompok majoriti akan memungkinkan akulturasi bahasa (Sabariah Mohamed Salleh & Siti Khadijah Hussin, 2017).

Kepentingan kajian ini dijalankan adalah selari dengan objektif kajian. Antaranya apabila tercapai kelak dijangkakan dapatan-dapatan kajian ini akan dapat serba sedikit membantu menjawab persoalan-persoalan berhubung isu kekangan dan hambatan penguasaan serta pembelajaran B2 semasa berhubung progres penguasaan B2 yang agak relatif lambat. Kini masih terdapat pelbagai isu yang melingkari penguasaan B2 seperti antara contohnya; isu ketidakcekapan pelajar di peringkat pengajian tinggi di Jerman

berbahasa Melayu meskipun mengambil bidang atau elektif bahasa Melayu (Noor Zuhidayah & Siti Saniah, 2016), dan isu kelemahan berbahasa Inggeris sebagai B2 dalam kalangan pelajar universiti di Malaysia sedangkan sudah mempelajarinya di peringkat sekolah rendah dan menengah (Tan Bee Hoon, 2006), isu penggunaan bahasa rojak sebagai ancaman atau ia salah satu cara menguasai B2 (Mohammed Azlan, 2012), isu Pengajaran dan Pembelajaran mata pelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris (PPSMI) oleh Chew (Chew Fong Peng, 2008), isu pemantapan bahasa Melayu dalam negara sendiri oleh Jaafar (Jaafar Jambi, 2008) dan lain-lain isu lagi. Di samping itu kajian ini juga diharapkan akan dapat membantu pihak-pihak tertentu contohnya golongan imigran untuk dapat berusaha menguasai B2 mereka dengan lebih efektif. Selain itu kajian ini juga diharapkan akan dapat membantu meningkatkan pemahaman dalam bidang kajian B2 tempatan berhubung aspek penguasaan dan amalan B2 pada masa akan datang.

Oleh itu secara khususnya kajian ini sangat penting untuk dijalankan, khususnya dengan mengambil kira objektif kedua kajian yang menjuruskan kajian kepada pengoperasian mekanisme-mekanisme interaksional. Hasilnya dijangka antara lain diharapkan akan sedikit sebanyak dapat menyumbang dalam bidang kajian Penguasaan Bahasa Kedua atau SLA (*Second Language Acquisition*), khususnya dari aspek;

- i) Menilai program berkaitan penguasaan B2 konvensional formal, non-formal dan informal.
- ii) Menilai keberkesanan kaedah yang digunakan dalam laluan konvensional.
- iii) Menilai dan memahami mekanisme interaksional yang dapat dimanfaatkan dalam mana-mana usaha penguasaan B2.
- iv) Menyediakan cadangan kaedah yang lebih praktikal kepada usaha penguasaan B2.
- v) Menyediakan usul, cadangan dan saranan kepada pihak yang berkenaan dalam bidang pembelajaran dan penguasaan B2.
- vi) Memahami konsep dan faktor-faktor yang terlibat dalam proses penguasaan B2 interaksional.

Berdasarkan pertimbangan-pertimbangan tersebut maka kajian ini amat wajar dijalankan untuk kelak mampu dijadikan sebagai salah satu alternatif rujukan kepada pihak-pihak yang berkenaan atau berminat dalam bidang penguasaan B2. Melalui perspektif interaksional yang digunakan pengkaji meletakkan matlamat kajian untuk lebih memahami sosok perjalanan dan penguasaan B2 dengan lebih bersifat humanis dan naturalistik (Purba, 2013).

## **1.7 Batasan Kajian**

Bahagian ini akan menjelaskan berhubung ruang lingkup kajian berdasarkan batasan yang terlibat sebagai sempadan limitasi bidang cakupan dalam gerak kerja kajian. Keseluruhan kajian ini akan menggunakan pendekatan kajian kes secara deskriptif kualitatif jenis eksploratori berasaskan analisis pensampelan, yang seterusnya akan



membataskan ruang lingkup kajian dan skop berdasarkan objektif kajian yang telah ditetapkan.

Objektif pertama kajian ini terbatas untuk mengenal pasti bentuk mekanisme bahasa Melayu sebagai bahasa kedua imigran India di Pekan Beaufort berdasarkan teori Long (1996). Subjek kajian terbatas kepada sejumlah 27 orang golongan imigran India yang berhijrah ke pekan Beaufort sekitar 5 hingga ke 10 tahun kebelakangan ini sahaja. Saiz sampel ini mungkin tidak dapat mewakili populasi yang lebih besar memandangkan populasi golongan India yang kecil di lokasi kajian dan hanya jumlah berkenaan sahajalah subjek yang menepati kriteria pensampelan rawak bertujuan yang digunakan pengkaji. Oleh itu, dapatan mungkin tidak dapat dipanjangkan kepada golongan India lainnya yang merupakan warganegara ataupun penduduk tetap yang sudah lama berada di lokasi kajian berkenaan. Seperti yang telah dibincangkan pada bahagian latar belakang kajian dan definisi operasional, berdasarkan statistik yang dinyatakan sebelum ini (Jabatan perangkaan Malaysia Sabah, 2010) di daerah Beaufort terdapat seramai 145 orang penduduk berketurunan India warganegara Malaysia dan tidak lebih 100 yang lain lagi adalah bukan warganegara, menjadikan jumlah mereka seramai tidak lebih 245 orang. Daripada jumlah berkenaan pengkaji memilih subjek kajian secara rawak bertujuan bagi memungut persampelan daripada seramai 20 orang subjek pada peringkat kajian rintis (2013). Pengkaji kemudian menambakkannya menjadi 30 orang subjek pada peringkat kajian sebenar sebelum akhirnya hanya tinggal 27 orang subjek sahaja sehingga tamat kajian apabila 2 orang daripadanya telah mengambil keputusan kembali ke India, dan seorang meninggal dunia. Akhirnya, 27 orang subjek ini adalah merupakan senarai pendek subjek yang menepati kriteria pensampelan rawak bertujuan kajian iaitu datang ke Malaysia dalam tempoh yang masih baru iaitu kurang daripada atau dalam sekitar 10 tahun kebelakangan ini dan bertutur BMDS dalam urusan tugas harian mereka.

Kajian mengesan dan mengenal pasti akan bentuk-bentuk mekanisme B2 yang digunakan oleh subjek berdasarkan empat mekanisme B2 Long sahaja. Dapatan kemudiannya dianalisis kriterianya dan diperkuat berdasarkan sokongan skala kualitatif Cohen Kappa (1968). Mekanisme B2 berkenaan adalah mekanisme pengulangan (P), pemeriksaan pengesahan (PS), pemeriksaan pemahaman (PF) dan permohonan penjelasan (PJ). Dalam konteks kajian ini, mekanisme bahasa yang dimaksudkan merujuk kepada keempat-empat mekanisme B2 berkenaan seperti yang diusulkan dalam HI oleh Long (1996). Golongan Imigran India yang dikaji dirujuk sebagai bukan penutur jati sahaja (BPnJ).

Bagi objektif kedua, kajian ini terbatas untuk menganalisis dengan mengklasifikasikan mekanisme bahasa Melayu sebagai B2 imigran India di pekan Beaufort dengan menggunakan teori Long (1996). Tumpuan diberikan pada bentuk-bentuk mekanisme B2 yang digunakan golongan BPnJ berkenaan dalam aktiviti urusan rutin harian mereka. Pemerhatian dijalankan ke atas penggunaan bentuk-bentuk mekanisme B2 BPnJ yang dapat dikesan secara audio dan visual oleh pengkaji sahaja dan bukannya yang dilakukan secara fisiologikal. Penggunaan bentuk-bentuk mekanisme B2 yang digunakan BPnJ

sewaktu menjalankan aktiviti rutin seharian ini dikenal pasti, direkod dan kemudiannya diklasifikasikan untuk analisis.

Maklumat yang diperolehi melalui pendekatan kajian secara temu bual tidak berstruktur dan pemerhatian sewaktu aktiviti rutin harian ini dijalankan dapat memberikan manfaat kepada objektif kedua kajian ini.

Objektif ketiga kajian ini pula terbatas kepada usaha untuk merumuskan penguasaan bahasa Melayu sebagai B2 imigran India di Pekan Beaufort. Maklumat yang diperolehi daripada pemerhatian dan temu bual dengan pelajar akan memberikan pemahaman yang lebih jelas tentang cara BPnJ untuk cuba menguasai bahasa Melayu sebagai B2 mereka. Walau bagaimanapun, subjek kajian atau peserta temu bual seboleh-bolehnya tidak menyedari akan kajian yang sedang dijalankan ke atas mereka bagi menjaga tahap kredibiliti persampelan, kebolehpercayaan dan keesahan dapatan. BPnJ juga berkemungkinan tidak menggunakan keempat-empat mekanisme B2 mereka disebabkan kekangan komunikasi, psikologi, emosi persekitaran konteks dan kandungan, tujuan dan sebagainya. Oleh itu, data yang dikumpul daripada pemerhatian dan nota lapangan turut direkod dan dianalisis secara kolektif untuk menjawab objektif ketiga kajian.


Sepanjang kajian dijalankan oleh pengkaji terhadap proses penguasaan BMDS oleh kalangan BPnJ berkenaan didapati ia juga sebenarnya amat berkait rapat dengan beberapa konsep proses penguasaan bahasa yang lain seperti aspek gaya pembelajaran, jenis personaliti, motivasi, faktor psikologi individu dan juga proses pempidginan bahasa dan akulturasi bahasa. Namun begitu topik-topik berkenaan digunakan oleh penulis hanya sebagai jaringan kepada pembolehubah dalam kajian. Kajian ini tidak membincangkan topik-topik berkenaan secara mendalam sebaliknya menggunakannya sebagai sisi sokongan perbincangan kepada progres dapatan kajian sahaja. Antara aspek yang dapat digunakan bagi menyokong perbincangan dalam kajian ini kelak antaranya ialah; Gaya Pembelajaran, Model Pembelajaran (Penguasaan) Bahasa, jenis Personaliti, Motivasi, Faktor psikologi individu, dan faktor-faktor persekitaran linguistik bahasa lainnya. Namun demikian ia tidaklah dibincangkan dengan lebih rinci melainkan sekadar sebagai jaringan perbincangan dapatan secara eksploratori.

Seterusnya, atas justifikasi bahawa hasil dapatan mana-mana kajian secara umumnya tidaklah bersifat sah untuk seluruh dunia ataupun untuk semua kes dalam bidang berkenaan, maka sesuatu dapatan kajian juga selalunya tidak terpakai untuk semua populasi, atau malahan dalam semua situasi dan persekitaran biarpun mungkin dalam persekitaran yang serupa (Zainuddin Awang, 2012). Mungkin terdapat sesetengah topik atau bidang bersifat eksklusif kepada situasi dan persekitaran tertentu malahan terhadap subjek tertentu sahaja. Golongan imigran India di Beaufort yang berusaha untuk menguasai BMDS misalnya menggunakan pendekatan interaksional ini dalam persekitaran bahasa yang unik. Pengkaji melihatnya sebagai amatlah istimewa dan eksklusif seperti yang telah dinyatakan sebelumnya pada latar belakang kajian. Maka itu kajian ini sesuai untuk dijalankan sebagai satu kajian kes.

## 1.8 Definisi Operasional

### 1.8.1 Penguasaan Bahasa Kedua

Bahasa kedua adalah bahasa yang kedua dipelajari oleh seseorang itu di samping bahasa kandung yang dia peroleh. Bahasa kedua ini adalah bahasa asing yang dipelajari untuk tujuan-tujuan tertentu (Kamaruddin Hj Husin, 1998). Asas kepada usaha penguasaan bahasa kedua yang digunakan oleh pengkaji untuk merujuk kepada penguasaan B2 adalah berdasarkan model awal bahasa kedua oleh Spolsky, (Spolsky, 1989, m.s.28) dalam Mitchell (Mitchell et al., 2013) yang digandingkan dengan pendekatan interaksional menggunakan Hipotesis Interaksional Long (1996). Konsep model penguasaan B2 yang asas ini menjadi rangka operasional kepada kajian penguasaan Bahasa Melayu sebagai B2 dalam kalangan imigran India di Sabah yang dijalankan pengkaji. Berdasarkan asas ini kajian akan menggunakan model Hipotesis Interaksional oleh Long (1996) sebagai templet analisis dan perbincangan dapatan. Analisis juga kemudiannya mengambil kira faktor persekitaran linguistik bahasa bahasa yang lainnya. Keseluruhan proses penguasaan B2 ini dirujuk seterusnya dalam kajian ini sebagai pendekatan interaksional penguasaan B2.




Rajah 1.2 : Penguasaan bahasa kedua Pendekatan Interaksional

### 1.8.2 Penguasaan bahasa kedua pendekatan Interaksional

Konsep penguasaan B2 dalam kajian ini merujuk kepada pendekatan interaksional berasaskan Hipotesis Interaksional oleh Michael H. Long (Long, 1996) versi dipermantap sahaja. Hipotesis Interaksional ini memfokuskan penelitian kajiannya kepada interaksi antara PnJ dan BPnJ sebagai medium dalam usaha penguasaan B2. Kajian cuba meneliti bagaimana pendekatan dan strategi perbualan dimanfaatkan untuk mempelajari B2. Strategi-strategi perbualan ini ditandakan sebagai mekanisme-mekanisme interaksional seperti; i) Pengulangan / P, (*repetitions*), ii) Pemeriksaan pengesahan / PS (*confirmation checks*), iii) Pemeriksaan pemahaman / PF,

(*comprehension checks*, dan iv) Permohonan Penjelasan / PJ, (*clarification requests*). Rujuk Rajah 1.3 : Mekanisme-mekanisme perbualan penguasaan B2 dalam Pendekatan Interaksional berdasarkan Hipotesis Interaksional Long (1996) di bawah;



**Rajah 1.3 : Mekanisme-mekanisme perbualan penguasaan B2 dalam Pendekatan Interaksional berdasarkan Hipotesis Interaksional Long (1996)**

Empat mekanisme B2 oleh Long (1996) adalah seperti berikut;

i) **Pengulangan / P (repetition).**

BPnJ akan memilih perkataan atau frasa tertentu dan menggunakannya semula dalam pengujaran ayat-ayatnya dalam konteks ayat mereka sendiri yang baru. Perkataan boleh digunakan dalam ayat berupa penyata atau ayat tanya, seperti pada contoh berikut (kata atau frasa ditandai dengan "...<sup>P</sup>")

Contoh;

PnJ : Deen, tidak pegi tengok anakkah?

BPnJ : **Anak?**<sup>P</sup> Pulang sekola?

PnJ : Yalah. Anak. Adik kecil. Pulang tak ambillah?

BPnJ : Anak suda pulang, belakang abang mari ambil la.

PnJ : Ooo, **abang dia yang ambil** pulanglah?

BPnJ : Haa yala, **abang dia yang ambil.**<sup>P</sup>

PnJ : Kelmarin?

BPnJ : Bapa dia yang **ambil**<sup>P</sup> la.

BPnJ : Abang dia yang **ambil**<sup>P</sup>, dia tada suka. Mau bapa juga yang **ambil**<sup>P</sup>

(S22/R5/V60)

ii) **Pemeriksaan Pengesahan / PS (confirmation checks).**

BPnJ akan menggunakan perkataan atau frasa tertentu pada pengujaran ayat-ayatnya dalam konteks ayat mereka sendiri yang baru. Tujuannya adalah untuk memastikan bahawa unsur kandungan yang difahaminya adalah betul dan selaras dengan yang dimaksudkan oleh interlokutornya. Perkataan atau frasa selalunya digunakan dalam ayat tanya, seperti pada contoh berikut (kata atau frasa ditandai dengan "...<sup>PS</sup>")

Contoh;

PnJ : Berapa *score* semalam **Arsenal?**

BPnJ : **Mana? Arsenalkah? Bola?**<sup>PS</sup>

PnJ : Tak tengokkah semalam?

PBnJ : **Tengok? Semalam?**<sup>PS</sup> Tadaa...Saya (sokong) Manchester!

PnJ : Liga baa, menang 3 mata, seri 1 mata, kalah 0 mata, taukah?

BPnJ : Saya tauuu. 3 mata, 1 mata saya apa bikin? Saya seronok tengok bola (saja).

(S3/C1R16/V615)

iii) **Pemeriksaan Pemahaman / PF (comprehension checks).**

Sama seperti penggunaan PS tetapi mekanisme B2 ini digunakan oleh PnJ. PnJ akan menggunakan perkataan atau frasa tertentu pada pengujaran ayat-ayatnya untuk memeriksa atau memastikan bahawa unsur kandungan yang dimaksudkannya dalam perbualan adalah difahami oleh BPnJ. Perkataan atau frasa selalunya digunakan dalam ayat penyata dan ayat tanya, seperti pada contoh berikut (kata atau frasa ditandai dengan "...<sup>PF</sup>")

Contoh;

PnJ : Nanti kalau saya punya bos sudah *ready* mau datang sini, baru saya *call* Aiyoob. Baru kasi *standby* makanan semua. Saya *call* baru *ready*. **Ok kah?**<sup>PF</sup>

BPnJ : *Call* dulu? Makan dulu? Apa macam cerita?

PnJ : Macam ni. Nanti saya *call*, baru Aiyoob *standby* makanan. Bos saya tak suka makanan sejuk. **Ok, dapat?**<sup>PF</sup>

BPnJ : Ok, ok, Makanan semua sudah sedia. Jangan takut aji, misti panas punya.

(S5/R4/V813)

iv) **Permohonan Penjelasan / PJ (clarification request)**

BPnJ akan menggunakan perkataan atau frasa tertentu pada pengujaran ayat-ayatnya dalam konteks ayat mereka sendiri. Tujuannya adalah untuk memohon agar penjelasan lanjut diberikan berhubung kandungan perbualan. Maklumat tambahan daripada interlokutor adalah berupa maklumat yang diperlukan oleh BPnJ untuk lebih memahami

kandungan. Perkataan atau frasa selalunya digunakan dalam ayat tanya, seperti pada contoh berikut (kata atau frasa ditandai dengan “...<sup>PJ<sup>6</sup>”)</sup>

Contoh;

PnJ : 30 keping aa Haji? Tapau, mau sedekah masjid malam ni.

BPnJ : **Ya, suda tapau, sindiri ambil ka? Bos ambil ka?**<sup>PJ</sup>

PnJ : Saya datang ambil.

BPnJ : **Stock pot saya ka? Bos punya ka?**<sup>PJ</sup>

PnJ : Tak pa, saya kasi saya punya, senang cerita.

(S1/R1R2/V417)

### 1.8.3 Bahasa Melayu dan Bahasa Melayu Dialek Sabah (BMDS) Sebagai B2

Definisi operasional bagi bahasa Melayu dalam kajian ini bermaksud bahasa Melayu yang dipelajari selain daripada B1 imigran India di Beaufort berkenaan. Bahasa Melayu yang menjadi B2 dan cuba dikuasai oleh golongan imigran India dalam kajian ini adalah merujuk kepada Bahasa Melayu Dialek Sabah. Seterusnya dirujuk BMDS.

Di Sabah sahaja terdapat sekurang-kurangnya 34 kaum (Noor Zila Md Yusof & Amir Juhari, 2013) dan malahan hingga 52 pecahan lagi (Asmah Haji Omar 2008) dalam Wong (Wong, 2000, 2010) jika diambil kira lagi suku kaum, yang bertutur dalam bahasa sukuan masing-masing seperti bahasa, Bajau, Bajau Laut, Banjar, Binadan, Bisaya, Bonggi, Brunei, Bugis Kadayan, Iban Kwijau Sungai, Rumanau, Rungus, Idaan, Inokang, Irranun, Kadazan-Dusun, Kagayan, Kimaragang, Lun Bawang, Lotud, Lundayah, Minokok, Murut, Paitan, Sonsogon, Suluk, Tatana, Tidung, Tatana, Tagaas, Ubian, hinggalah kepada Melayu-Cocos yang datang dari Pulau Keeling Australia.

Seperti yang telah dijelaskan pada segmen skop kajian, oleh kerana keunikan daripada kepelbagaian yang rencam ini maka BMDS mendapat subvariasi lagi akibat daripada pengaruh sosiobudaya dan geobudaya berbeza. Contohnya i) BMDS subdialek Pantai Barat, dari Kudat ke selatan (pengaruh Brunei-Bajau-Kadazan), ii) BMDS subdialek Sandakan (pengaruh Kadazan-Suluk, kerana berhampiran dengan wilayah Filipina) dan iii) BMDS subdialek Tawau (pengaruh Melayu-Bugis, kerana berhampiran dengan wilayah Indonesia) (Wong, 2010).

Maka, dalam kajian ini takrifan BMDS yang digunakan sebagai definisi operasional bagi penguasaan B2 BMDS ialah i) BMDS dialek Pantai Barat, dari Kudat ke selatan (pengaruh Brunei-Bajau-Kadazan) sahaja. Zon subdialek ini dipertuturkan dapat dilihat seperti pada kawasan yang bertanda (merah) pada Peta 1.1 : BMDS Dialek Pantai Barat, dari Kudat ke selatan (pengaruh Brunei-Bajau-Kadazan) berikut;



**Peta 1.1 : BMDS Dialek Pantai Barat, dari Kudat ke selatan (pengaruh Brunei-Bajau-Kadazan)**  
(Sumber : Wong, 2010)

Manakala pengkaji juga tidak meletakkan penguasaan bahasa Melayu baku yang sememangnya berada pada tahap yang lebih tinggi sebagai ukuran indikator kepada parameter pencapaian penguasaan bahasa dalam keseluruhan proses penguasaan B2 bagi golongan imigran India berkenaan. Adalah kurang adil untuk mengkategorikan pencapaian mereka ke dalam klasifikasi berkenaan sedangkan bahasa Melayu Baku merupakan satu standard penguasaan lain yang lebih tinggi dan ilmiah. Realitinya Bahasa Melayu Baku adalah bahasa standard yang digunakan secara rasmi, manakala bahasa basahan dalam kalangan masyarakat Malaysia umumnya adalah lebih bersifat tempatan mengikut dialek negeri atau daerah masing-masing. Bahasa harian bersifat dialek ini lebih basahan sifatnya digunakan dalam komunikasi tidak formal seharian bagi tidak menimbulkan kejanggalan konteks, penutur dan persekitaran bahasa (Wong, 2010).

#### **1.8.4 Imigran India di Sabah**

Pengkaji menetapkan definisi operasional bagi golongan imigran India yang menjadi subjek dalam kajian ini ialah mereka yang tergolong dalam takrifan penghijrah masuk ke Malaysia dan Beaufort Sabah untuk lebih spesifik. Mereka ini bukanlah terdiri daripada golongan kaum India yang telah lama menjadi rakyat dan warganegara Malaysia. Subjek kajian juga perlulah merupakan BPnJ yang belum ada asas BMDS sebagai B2nya. Contohnya bagi imigran India yang telahpun ditempatkan di tempat lain selain Beaufort sebelum kajian dan sudah mempelajari B2 mereka di tempat berkenaan sebelum ini, tidak termasuk ke dalam kategori layak sebagai subjek kajian kerana ia telah melibatkan latarbelakang dan pertimbangan faktor-faktor penguasaan B2 yang lain lagi.

Berdasarkan statistik yang dinyatakan sebelum ini (Jabatan perangkaan Malaysia Sabah, 2010) di daerah Beaufort terdapat seramai 145 orang penduduk berketurunan India warganegara Malaysia dan tidak lebih 100 yang lain lagi adalah bukan warganegara,

menjadikan jumlah mereka seramai tidak lebih 245 orang. Daripada jumlah berkenaan pengkaji memilih subjek kajian bagi memungut persampelan daripada seramai 30 orang subjek pada peringkat awalnya sebelum hanya tinggal 27 orang sehingga tamat kajian apabila 2 orang daripadanya telah mengambil keputusan kembali ke India, dan seorang meninggal dunia. Akhirnya, 27 orang subjek ini adalah merupakan senarai pendek subjek yang menepati kriteria pensampelan rawak bertujuan kajian iaitu datang ke Malaysia dalam tempoh yang masih baru iaitu kurang daripada atau dalam sekitar 10 tahun kebelakangan ini dan bertutur BMDS dalam urusan tugas harian mereka. Golongan ini mewakili mereka yang datang ke Malaysia untuk memperbaiki sosioekonomi mereka melalui bidang perniagaan. Atas sebab itu mereka memasuki Malaysia atas kebenaran dan menggunakan permit kerja atau terdapat sebilangannya mendapat status pemastautin tetap. Manakala terdapat sebilangan lagi yang sedang dalam proses untuk mendapatkan status pemastautin tetap dan malah kewarganegaraan Malaysia.

Pada keseluruhannya kajian ini cuba untuk mengenal pasti bentuk pendekatan interaksional pembelajaran B2 yang digunakan oleh imigran India di Pekan Beaufort secara langsung dengan menggunakan pendekatan kajian kes. Seterusnya fokus kajian juga cuba untuk menganalisis mekanisme penguasaan B2 yang digunakan dalam pendekatan interaksional tersebut dengan menggunakan teori Long. Pemilihan pendekatan kajian kes digunakan adalah berdasarkan justifikasi tertentu contohnya, dalam kes golongan imigran India di Beaufort yang berusaha untuk menguasai BMDS menggunakan pendekatan interaksional ini, pengkaji melihatnya sebagai amatlah bersifat unik dan eksklusif. Maka kajian ini akan menumpukan fokus kajian dan perbincangan kepada bentuk pendekatan dan mekanisme yang mereka gunakan sahaja, sesuai objektif dan persoalan kajian bagi objektif pertama. Fokus tumpuan kajian objektif pertama ialah untuk cuba mengenal pasti bentuk-bentuk dan mekanisme pendekatan yang digunakan. Terdapat pelbagai bentuk mekanisme yang dapat dikesan dan dibincangkan jika mengikut pandangan beberapa tokoh yang berkaitan. Antaranya selain Long, menurut pandangan Oliver (Oliver, 1998, 2002) yang melanjutkan bentuk mekanisme interaksional kepada beberapa versi pengubahsuaian, Gass dan Mackey (Gass & Mackey, 2007) yang melihat kepada mekanisme interaksi secara keseluruhan, Larsen-Freeman (Ellis & Larsen-Freeman, 2009) yang menumpukan kepada mekanisme pengubahsuaian perbualan dan banyak lagi. Bagi membataskan kerja pengkajian perbincangan akan menggunakan asas bentuk-bentuk mekanisme interaksional berdasarkan model Hipotesis Interaksional oleh Long (1996) –dipermantap sahaja. Ini adalah atas justifikasi bahawa perseps-persepsi konsep mekanisme interaksional lainnya adalah merupakan respon atau lanjutan kepada mekanisme interaksional yang diperkenalkan oleh Long.

Seterusnya sesuai dengan objektif kedua, kajian dilanjutkan kepada analisis mekanisme-mekanisme pendekatan interaksional yang dikenal pasti melalui dapatan-dapatan kajian yang diekstrak daripada korpus. Sesuai seperti pernyataan di atas maka kajian ini juga tidak akan menganalisis mekanisme dalam pendekatan interaksional lain seperti pengesanan, perawatan atau pembaikan (*treatment*) oleh Mackey (Mackey, 1999), atau enam tahap sekuen pemerolehan (Pienemann dan Johnston, 1987) dan sebagainya. Kajian akan hanya memfokuskan kepada perbincangan analisis mekanisme pendekatan



interaksional model Hipotesis Interaksional atau teori Long (Long, 1996) yang dipermantap sahaja. Manakala perbincangan dapatan adalah berdasarkan dapatan-dapatan eksploratori melalui kajian kes tersebut sahaja.

Selari dengan objektif ketiga kajian ini, perbincangan seterusnya akan memfokuskan kepada usaha merumuskan penguasaan bahasa Melayu sebagai B2 pendekatan interaksional yang menyokong kepada kejayaan penguasaan BMDS golongan tersebut. Sesuai dengan fokus kajian, maka faktor-faktor berkenaan akan dinilai melalui perspektif pendekatan interaksional sahaja tanpa membincangkan dengan lebih lanjut faktor-faktor lain aspek psikolinguistik ataupun sosiolinguistik, selain menggunakannya sebagai sokongan.

#### **1.8.4.1 Imigran India di Beaufort**


Golongan imigran India yang menjadi subjek dalam kajian ini ialah mereka yang tergolong dalam takrifan penghijrah masuk ke Malaysia iaitu spesifiknya di daerah Beaufort Sabah sahaja. Mereka ini bukanlah terdiri daripada golongan kaum India yang telah lama menjadi rakyat dan warganegara Malaysia. 27 orang subjek ini adalah merupakan mereka yang datang ke Malaysia dalam tempoh yang masih baru iaitu kurang daripada atau dalam sekitar 5 hingga 10 tahun kebelakangan ini. Golongan ini datang ke Malaysia untuk memperbaiki sosioekonomi mereka melalui bidang perniagaan. Atas sebab itu mereka memasuki Malaysia atas kebenaran dan menggunakan permit kerja, atau terdapat juga sebilangannya yang telah mendapat status pemastautin tetap. Manakala terdapat sebilangan lagi yang sedang dalam proses untuk mendapatkan status pemastautin tetap dan malah kewarganegaraan Malaysia. Justifikasi pemilihan subjek kajian yang berjumlah 27 orang sahaja itu adalah disebabkan kerana hanya itu sahajalah jumlah peserta kajian yang menepati keperluan kriteria demografi subjek yang telah ditetapkan dalam kaedah persampelan bertujuan seperti di atas. Pada asalnya pengkaji telah berjaya menyenaraipendekkan sejumlah 30 peserta kajian untuk peringkat akhir kajian. Namun begitu 2 orang daripadanya telah memutuskan untuk kembali ke negara asal mereka di India (Ajeeb dan Haji Salim), manakala seorang pula telah meninggal dunia (Natesh), yang akhirnya meninggalkan hanya 27 orang subjek kajian yang masih relevan.

#### **1.8.4.2 Bahasa Melayu Dialek Sabah (BMDS) dan Penguasaannya Sebagai Bahasa Kedua**

Sabah adalah merupakan salah sebuah daripada 14 buah negeri (termasuk Wilayah Persekutuan) dalam Negara Persekutuan Malaysia yang dibentuk pada 31 Ogos 1963, serta merupakan negeri yang kedua terbesar selepas Sarawak. Keluasan negeri Sabah meliputi kira-kira 73,622 kilometer persegi, dalam pulau Borneo Sabah terletak di bahagian utara, bersempadan darat dengan negara Indonesia iaitu wilayah Kalimantan di bahagian selatannya manakala di sebelah barat dayanya terletak negeri Sarawak. Di sebelah utara dan timur laut pula Sabah bersempadan dengan negara Filipina.

Terdapat lima Bahagian pentadbiran Negeri Sabah iaitu Kudat, Pantai Barat, Tawau, Sandakan dan Bahagian Pedalaman. Manakala terdapat 24 pecahan daerah lagi di dalam gabungan keseluruhan bahagian ini. Populasi penduduk negeri Sabah pada bancian 2010 ialah seramai 3,120,040 orang dengan purata kadar pertumbuhan penduduk tahunan ialah 2.34% (Jabatan Perangkaan Malaysia Sabah, 2015) dengan komposisi pecahan etniknya terdiri daripada 52 suku kaum (Asmah Haji Omar, 2008), dalam Wong (Wong, 2010).

Keadaan komposisi penduduk Sabah sebegitu bervariasi dan majoritinya bukan berbangsa Melayu namun suku-suku kaum bumiputera tersebut adalah daripada rumpun keluarga bahasa Austronesia (Asmah Haji Omar, 2008:15) dalam Wong (Wong, 2010). Ditambah lagi dengan latar belakang sebagai wilayah yang pernah ditadbir oleh kerajaan Kesultanan Melayu Brunei sejak seawal abad ke-7 dan ke-8, maka bahasa Melayu terus menjadi menjadi asas dan pilihan sebagai bahasa perhubungan atau lingua franca antara 52 suku-suku kaum tersebut, contohnya antara suku kaum berkenaan ialah Dusun, Kadazan, Bajau, Rungus, Murut serta juga antara kaum yang datang pada abad kemudiannya seperti Bugis, Jawa, Suluk, dan Cina rujuk Carta 1.1 : Komponen pecahan suku kaum di Sabah.



**Carta 1.1 : Komponen pecahan suku kaum di Sabah**  
(Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia Sabah, 2015)

Maka itu, Bahasa Melayu Dialek Sabah (BMDS) yang terbentuk atas filologi kepelbagaian kaum terus menjadi satu lagi bentuk dialek bahasa Melayu di Malaysia yang dituturkan ataupun yang di gunakan oleh orang-orang Sabah. Bahasa ini dapat terus menjadi lingua franca bagi masyarakat Sabah untuk berkomunikasi dalam urusan seharian berikutan keistimewaan bahasa ini antaranya diterima umum, dipertuturkan dan malah difahami oleh masyarakat Sabah tanpa mengira bahasa sukuan mereka yang lebih bervariasi. Di Sabah sahaja pada asasnya terdapat 32 etnik yang berbeza malah mencapai 54 jika dipecahkan kepada suku atau subetnik lagi. Malah sekiranya diambil kira latarbelakang, kesemua etnik dan subetnik ini menuturkan bahasa-bahasa sukuan yang berbeza pula (Wong, 2010).

Oleh kerana keunikan daripada kepelbagaian yang rencam ini maka BMDS mendapat subvariasi lagi akibat daripada pengaruh sosiobudaya dan geobudaya berbeza. Contohnya i) BMDS subdialek Pantai Barat, dari Kudat ke selatan (pengaruh Brunei-Bajau-Kadazan), ii) BMDS subdialek Sandakan (pengaruh Kadazan-Suluk, kedudukan berhampiran dengan wilayah Filipina) dan iii) BMDS subdialek Tawau (pengaruh Melayu-Bugis, kedudukan berhampiran dengan wilayah Indonesia), rujuk pembahagian Peta 1.2 : Pembahagian subdialek BMDS di Sabah, berikut;




**Peta 1.2 : Pembahagian subdialek BMDS di Sabah**

(Sumber : Wong, 2010)

#### 1.8.4.2.1 Kaedah Penguasaan B2 Pendekatan Interaksional Menggunakan Hipotesis Interaksi –dipermantap (Long, 1996)

Kajian ini menggunakan pendekatan penguasaan bahasa berasaskan Pendekatan Interaksional menggunakan Hipotesis Interaksional (dipermantap), oleh Michael H.Long (Long, 1996). Pengkaji mengambil kira kepentingan peranan interaksi dalam komunikasi seharian yang membantu dalam proses penguasaan bahasa dalam kalangan BPnJ melalui elemen interaksional iaitu; 1. Pengulangan (*repetition*), 2. Pemeriksaan pengesahan (*confirmation checks*), 3. Pemeriksaan pemahaman (*comprehension checks*) dan ke-4. Permohonan Penjelasan (*clarification Request*) Rujuk Rajah 1.4 : Mekanisme penguasaan B2 dalam Hipotesis Interaksional Long (1996).

Kajian turut meliputi aspek perihal bagaimanakah peranan interaksi seharian itu dapat membantu membina penguasaan B2 golongan berkenaan. Pengkaji turut meninjau berhubung pengaruh faktor persekitaran linguistik ditambah dengan faktor dalaman individu yang dimanfaatkan dalam keadaan sebenar seperti yang dinyatakan oleh Long. Namun begitu perbincangan berkenaannya adalah terhad kepada dasar bagi menyokong perbincangan objektif 2 dan 3 sahaja.



**Rajah 1.4 : Mekanisme penguasaan B2 dalam Hipotesis Interaksional Long (1996)**

Lanjutan daripada itu bagi menjelaskan penggunaan mekanisme-mekanisme interaksional dalam perbincangan pada objektif ke-3, Skop kajian turut memasukkan berkaitan pengaplikasian perundingan makna dan pembaikan (*meaning negotiation and repair*) dalam aspek interaksi Long. Justifikasinya ialah memandangkan aspek tersebut dapat membantu penguasaan B2 interaksional seperti yang dinyatakan oleh Ellis (Ellis, 2007) yang merupakan pelanjutan perbincangan hipotesis Interaksi Long.

Di samping itu bagi menyokong dapatan, pengkaji juga memasukkan dalam skop kajian berhubung peranan “pendekatan” (*approach*) dalam penguasaan bahasa selaras dengan lanjutan hipotesis interaksi oleh Long melalui perspektif pendekatan oleh Gass dan Mackey yang menyatakan bahawa aspek persekitaran linguistik bahasa khususnya konteks sosiobudaya adalah melangkaui skop pendekatan interaksi (Gass & Mackey, 2007).

## 1.9 Kesimpulan

Pada keseluruhannya kajian ini adalah bermatlamatkan untuk mengkaji proses yang dijalani oleh golongan BPnJ BMDS yang terdiri daripada imigran India di pekan Beaufort Sabah dalam usaha penguasaan B2 mereka. Sekiranya objektif kajian ini tercapai kelak diharapkan gambaran lebih jelas berhubung persoalan-persoalan kajian dapat diperoleh yang seterusnya akan menyumbang kepada bidang ilmu (*body of knowledge*) penguasaan bahasa khususnya B2. Kajian ini amat unik dan eksklusif memandangkan lokasi pekan Beaufort itu sendiri yang terletak strategi di pusat pertembungan pelbagai sosiobudaya, kegiatan ekonomi dan interaksi yang menyaksikan pembentukan persekitaran linguistik bahasa yang mendorong kepada keperluan penguasaan B2 dalam kalangan penduduknya.

## RUJUKAN

- Abdul Rasid Jamian, Shamsudin Othman, & Sufiza Ishak. (2013). Interaksi Lisan Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 3(Mei), 42–51.
- Abdullah Hassan. (1980). *Linguistik Am Untuk Guru Bahasa Malaysia*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Abdullah Hassan. (1987). *Linguistik Am Untuk Guru Bahasa Malaysia*. (2nd ed.). Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Alison, M., Rebekha, A., & Gass, S. (2012). *The Routledge Handbook of Second Language Acquisition*. (Susan M Gass and Alison Mackey, Ed.) (First). New York: Routledge the Taylor and Francis Group.
- Ariza, E. N., & Hancock, S. (2003). Second language acquisition theories as a framework for creating distance learning courses. *International Review of Research in Open and Distance Learning*. Retrieved from <http://www.irrodl.org/index.php/irrodl/article/view/142/710>
- Arxer, S. L., Ciriza, M. D. P., & Shappeck, M. (2017). *International Perspectives on Aging; Aging in a Second Language, A Case Study of Aging, Immigration, and an English Learner Speech Community*. (J. L. Powell & S. Chen, Eds.) (1st Ed 201). New York: Springer International Publishing.
- Asiah Aja. (2016). Pendekatan Komunikatif Dalam Pembelajaran Bahasa Indonesia Untuk Meningkatkan Keterampilan Berbicara Siswa Di Kelas Iv Sd. *Mimbar Sekolah Dasar*, 2(1), 21–35. <https://doi.org/10.17509/mimbar-sd.v2i1.1319>
- Bellugi, U., Van Hoek, K., Lillo-Martin, D., & O'Grady, L. (1993). The acquisition of syntax of young deaf singers. In K. Bishop, D. and Mogford (Ed.), *Language development in exceptional circumstances* (pp. 132–150). Hove: Lawrence Erlbaum.
- Bhg Perkembangan Kurikulum. (2004). *Huraian Sukatan Pelajaran*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Brooks, L., & Swain, M. (2009). Languaging in collaborative writing; Creation of and response to expertise. In A. Mackey & C. Polio (Eds.), *Multiple Perspectives on Interaction* (pp. 58–89). New York & London: Routledge the Taylor and Francis Group.
- Chew Fong Peng. (2008). Pengajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI): penerimaan dan kesannya terhadap status Bahasa Melayu. *Jurnal Sarjana*, 23, 52–71. Retrieved from [http://www.myjournal.my/filebank/published\\_article/14562/Art\\_4.PDF](http://www.myjournal.my/filebank/published_article/14562/Art_4.PDF)

- Collier, V. P. (1987). Age and rate of acquisition of second language for academic purposes. *TESOL Quarterly*, Vol. 21(No. 4). Retrieved from <http://onlinelibrary.wiley.com/doi/10.2307/3586986/abstract>
- Dede Rosyadi. (2010). *Faktor-faktor Sosial yang Dihadapi Imigran Ilegal Dalam Usaha Menjadi Warga Negara Amerika Pada Skrip Film Crossing Over Karya Wayne Kramer*. UNIVERSITAS DIPONEGORO. <https://doi.org/10.1145/3132847.3132886>
- Dornyei, Z., & Tseng, W. T. (2009). Motivational processing in interactional tasks. In M. Alison & P. Charlene (Eds.), *Multiple Perspectives on Interaction*. New York & London: Routledge the Taylor and Francis Group.
- Ellis, N. (2007). Theories In Second Language Acquisition. In VanPatten B. and Williams J. (Ed.), *The Associative-Cognitive CREED* (pp. 77–95). Mahwah NJ: Lawrence Erlbaum.
- Ellis, N. (2009). The psycholinguistics of the interaction approach. In A. Mackey & C. Polio (Eds.), *Multiple Perspectives on Interaction* (pp. 11–40). New York & London: Routledge the Taylor and Francis Group.
- Fatin Rabiha Abdul Kadir, & Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2017). Bahasa Antara dalam Komunikasi Lisan Penutur Melayu dan Penutur Bukan Melayu. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*, 07, 1–16.
- Gall Gall & Borg. (2005). *Educational research: An introduction* (8th ed.). New York: Longman.
- Garcia-Ponce, E. E., Mora-Pablo, I., Crawford Lewis, T., & Lengeling, M. M. (2017). Effects of teachers' and learners' beliefs on negotiation for meaning and negative feedback during interactions in EFL classrooms. *International Journal of Modern Language Teaching and Learning*, 2(2), 54–66.
- Gass, S. M. (2003). Input and interaction. In C. J. Doughty & M. H. Long (Eds.), *The handbook of second language acquisition* (pp. 224–255). Oxford: Blackwell.
- Gass, S. M., and Varonis, M. E. (1994). Input interaction and second language production. *Studies in Second Language Acquisition*, 16.
- Gass, S. M., and Varonis, M. E. (1982). The comprehensibility of non-native speech. *Studies in Second Language Acquisition*, 4, 114–136.
- Gass S. M. and Mackey A. (2007). *The Routledge handbook of second language acquisition*. (Gass S.M and Mackey A., Ed.). Abingdon, Oxon: Routledge the Taylor and Francis Group.
- Goldstein, T. (1994). 'We are all sisters, so we don't have to be polite': Language choice and English language training in the multicultural workplace. *TESL Canada Journal*, 11(2), 30–45. Retrieved from <http://www.teslcanadajournal.ca/tesl/index.php/tesl/article/view/632>

- Halliday, M. A. K. (2013). *Halliday in the 21st century*. (J. W. Jonathan, Ed.) (Volume 11). London: Bloomsbury Publishing Plc.
- Hamel, J., Dufour, S., & Fortin, D. (1993). Case study methods. *Sage*, 32.
- Hatch, E. (1978). Acquisition of Syntax in a School Language. In I. J. Richards (Ed.), *Understanding second and foreign language learning: Issues and Approaches* (pp. 34–70). Rowley, MA.: Newbury House.
- Heo, M., Stoffa, R., & Kush, J. C. (2012). Factor analysis of the ESL/EFL Strategy Inventory for Language Learning: Generation 1.5 Korean immigrant college students' language learning strategies. *Language, Culture and Curriculum*, 25(3), 231–247. <https://doi.org/10.1080/07908318.2012.706302>
- Hisyam Zaini. (2017). Teori Pembelajaran Bahasan dan Implementasi Strategi Pembelajaran Aktif. *Jurnal An- Nabigho*, 19(02), 194–212.
- Howatt, A. P. R. (1988). From structural to communicative. *Annual Review of Applied*, 8, 14–29.
- Jaafar, J. (2008). Cabaran dan proses pemantapan bahasa Melayu. *Jurnal Pengajian Melayu*, 19(1), 68–90. Retrieved from [http://www.myjurnal.my/filebank/published\\_article/24058/Article\\_5.PDF](http://www.myjurnal.my/filebank/published_article/24058/Article_5.PDF)
- Jabatan Perangkaan Malaysia Sabah. (2015). *Sabah Statistics Yearbook 2014*. Kota Kinabalu. Retrieved from [http://www.malaysiaeconomy.net/download/18072016\\_1.pdf](http://www.malaysiaeconomy.net/download/18072016_1.pdf)
- Kamaruddin Hj Husin. (1998). *Pedagogi Bahasa (Perkaedahan)*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman.
- Kamarul Azmi Jasmi. (2012). Metodologi pengumpulan data dalam penyelidikan kualitatif. In *Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1 2012*. Johor Bahru: Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Temenggong Ibrahim.
- Khuzaiton Zakaria, & Thana Abdullah. (2014). Mengajar Bahasa Melayu Kepada Penutur Asing dan Cabarannya: Pengalaman di Universiti Malaysia Kelantan , Malaysia. *Professional Development in Education (PDE 2014)*, 148–154. Retrieved from <http://umkeprints.umk.edu.my/id/eprint/2902>
- Kothari, C. R. (2004). *Research methodology Methods and techniques (second revised edition)* (Second). New Delhi: New Age International Publishers.
- Krashen, S. D. (1982). *Principles and practice in second language acquisition*. Oxford: Pergamon Press Inc. Retrieved from <http://aces.ir/attachments/22d1286622494-communicative-approach-stephen-crashen.pdf>
- Krashen, S. D. (1977). The monitor model of adults second language performance. In M. Burt, M., Dulay, H., and Finocchiaro (Ed.), *Viewpoints on English as a second language* (pp. 152–161). New York: Regents.

- Krashen, S. D. (1981). *Second Language Acquisition and Second Language Learning. Pidginization and Creolization as language acquisition*.  
<https://doi.org/10.1111/j.1467-9922.2009.00554.x>
- Long, M. H. (1981). Input, Interaction, and Second Language Acquisition. In H. Winitz (Ed.), *Native language and foreign language acquisition: Annals of the New York academy of science* (Volume 379, pp. 259–278).
- Long, M. H. (1981). Input, interaction and second language acquisition. In I. Winitz (Ed.), *Native language and foreign language acquisition* (379th ed.). Annals of the New York Academy of Sciences.
- Long, M. H. (1983a). Linguistic and conversational adjustments to non native speakers. *Studies in Second Language Acquisition*, 5, 177–193.
- Long, M. H. (1983b). Native speaker/non native speaker conversation and the negotiation of comprehensible input. *Applied Linguistics*, 4, 126–141.
- Long, M. H. (1996a). The role of the linguistic environment in second language acquisition. *Handbook of Second Language Acquisition*. Retrieved from [http://scholar.google.com.my/scholar?start=10&q=second+language+AND+im+migrant&hl=en&as\\_sdt=0,5#0](http://scholar.google.com.my/scholar?start=10&q=second+language+AND+im+migrant&hl=en&as_sdt=0,5#0)
- Long, M. H. (1996b). The Role of the Linguistic Environment in Second Language Acquisition. In R. William C & B. Tej K (Eds.), *Handbook of Second Language Acquisition* (1st ed., pp. 413–468). San Diego, CA.: Academic Press Inc. A Division of Harcourt Bace & Co.
- Mackey, A., & Gass, S. M. (2012). *Research Methods in Second Language Acquisition; A practical guide*. (A. Mackey & S. M. Gass, Eds.), *Blackwell Publishing Ltd*. (1st ed.). London: Wiley-Blackwell A John Wiley & Sons, Ltd., Publication. <https://doi.org/10.1002/9781444347340>
- Mackey, A., & Polio, C. (2009). *Multiple Perspectives on Interaction; Second Language Research in Honor of Susan M. Gass*. (Alison Mackey & C. Polio, Eds.) (First Edit). New York: Routledge the Taylor and Francis Group.
- MacWhinney, B. (1992). Transfer and Competition in Second Language Learning. *Advances in Psychology*, 83(C), 371–390.
- McMillan, J., & Schumacher, S. (1984). *Research in education: a conceptual introduction* (2nd ed.). Glenview, Illinois: Scot Foresman and Company.
- Merriam, S. B. (1998). *Qualitative Research and Case Study Applications in Education*. San Francisco, CA: Jossey-Bass.
- Mitchell, R., Myles, F., & Marsden, E. (2013). *Second language learning theories -Third edition* (Third). Abingdon, Oxon: Routledge the Taylor and Francis Group.



- Mohammed Azlan, M. (2012). Bahasa rojak dalam kalangan penduduk di Sarawak. *Jurnal Bahasa*, Vol. 12(No. 2), 220–238.
- Mohd Asri Harun, Zulkifley Hamid, & Kartini Abd Wahab. (2016). Melahirkan Warga Yang Berketerampilan Bahasa: Kajian Hubungan Antara Pengetahuan Dengan Amalan Komunikatif Dalam Kalangan Guru Bahasa Melayu. *Malaysian Journal of Society and Space* 12, 12(9), 32–45.
- Mohd Helmi Pangat & Puteri Roslina Abdul Wahid. (2016). Strategi komunikasi lisan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina (SRJK (C)). *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*, 7, 123–141.
- Mohd Helmi Pangat, & Wahid, P. R. A. (2016). Strategi Komunikasi Lisan Bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina (SRJK (C)). *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*, 7, 123–141.
- Newton, J., & Kusmierczyk, E. (2011). Teaching Second Languages for the Workplace. *Annual Review of Applied Linguistics*, 31, 74–92. Retrieved from <http://dx.doi.org/10.1017/S0267190511000080>
- Noor Zila Md Yusof dan Amir b. Juhari. (2013). Pengaruh Persekitaran Linguistik Dalam Pembelajaran Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Kedua. *KOLITA 11: Konferensi Linguistik Tahunan Atma Jaya Kesebelas Tingkat Internasional, 1-2 May 2013, Universitas Katolik Indonesia Atma Jaya, Indonesia*. . (Unpublished).
- Noor Zuhidayah, & Siti Saniah. (2016). Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu Dalam Kalangan Pelajar Di Jerman. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 4(2), 10–19. Retrieved from file:///C:/Users/user/Downloads/8195-1033-17126-1-10-20171023.pdf
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2007). *Bahasa Dalam Perniagaan: Satu Analisis Semantik dan Pragmatik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nurul Najwa, A. Y., & Noor Raudhiah, A. B. (2017). Tahap penguasaan bahasa Inggeris dan faktor-faktor dalaman dan luaran yang mempengaruhinya di kalangan pelajar sebuah IPTS di Selangor. *Malaysian Online Journal of Education*, 1(1), 20–28.
- Ohta, A. S. (2001). *Second language acquisition processes in the classroom: Learning Japanese*. Mahwah, NJ: Lawrence Erlbaum.
- Ortega, L. (2009). Interaction and attention to form in L2 text-based computer mediated communication. In A. Mackey & C. Polio (Eds.), *Multiple Perspectives on Interaction* (pp. 226–253). New York & London: Routledge the Taylor and Francis Group.
- Pavlenko, A. (1998). Second Language Learning by Adults: Testimonies of Bilingual Writers. *Issues in Applied Linguistics*, 9, 3–19. Retrieved from <http://eric.ed.gov/ERICWebPortal/recordDetail?accno=EJ635174>

- Pica, T. (1994). Research on negotiation: what does it reveal about second language learning condition, processes and outcomes? *Language Learning*, 44, 493–527.
- Prabhat, P., & Meenu Mishra, P. (2015). *Research Methodology Tools and Techniques*. Bridge Center (1st ed.). Al. Marghiloman Romania: Bridge Center. <https://doi.org/doi.org/10.1007/978-1-4939-9999-9>
- Pranowo. (2015). Unsur intralingual dan ekstralingual sebagai penanda daya bahasa dan nilairasa bahasa dalam kesantunan berkomunikasi. *Adabiyat*, XIV(No. 2).
- Purba, A. (2013). Peranan Lingkungan Bahasa Dalam Pemerolehan Bahasa Kedua. *Pena*, 3(1), 13–25.
- Ranjit, K. (2011). *Research Methodology; A step by step for beginners*. 3rd edition (3rd ed.). London: SAGE Publication Ltd.
- Rhonda Oliver. (2009). How Young is Too Young? Investigation of Meaning and Feedback in Children Aged Five to Seven Years. In Alison Mackey & C. Polio (Eds.), *Multiple Perspectives on Interaction*. New York: Routledge the Taylor and Francis Group.
- Rivers, W. M. (1964). *The psychologist and the foreign-language teacher*. Chicago: University of Chicago press.
- Roshidah Hassan. (2017). Gaya dan Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar Perancis. *GEMA Online @ Journal of Language Studies*, 17(1), 125–146. <https://doi.org/10.17576/gema-2017-1701-08>
- Sabariah Mohamed Salleh, & Siti Khadijah Hussin. (2017). Tekanan Akulturasi Pelajar Malaysia di Luar Negara. *Jurnal Komunikasi*, 33(1), 340–355.
- Sandwall, K. (2010). “I Learn More at School”: A Critical Perspective on Workplace-Related Second Language Learning In and Out of School. *TESOL Quarterly*, 44(3), 542–574. Retrieved from <http://openurl.ingenta.com/content/xref?genre=article&issn=0039-8322&volume=44&issue=3&page=542>
- Schumann, J. H. (1978). *The pidginisation process: A model for second language acquisition*. Rowley, MA.: Newbury House.
- Schumann, J. H. (1986). Research on the acculturation model for second language acquisition. *Journal of Multilingual & Multicultural ...*. Retrieved from <http://www.tandfonline.com/doi/abs/10.1080/01434632.1986.9994254>
- Schumann, J. H. (1990). Extending the Scope of the Acculturation/Pidginization Model to Include Cognition. *TESOL Quarterly*, 24(4), 667–684. <https://doi.org/10.2307/3587114>
- Siahaan, D. M. F. (2017). *The use of Interaction Hypothesis by Shopkeepers at Tomok in Acquiring English Language*. Universitas Sumatera Utara.

- Spolsky, B. (1989). *Conditions for second language learning*. Oxford: Oxford University Press.
- Stake, R. E. (1995). *The Art of Case Study Research*. Thousand Oaks, CA: SAGE Publications.
- Sudrajat, A. (2008). Pengertian pendekatan, strategi, metode, teknik, taktik, dan model pembelajaran. *Tersedia: Http://Akhmadsudrajat. Wordpress. Com/2008/ ...*, (1). Retrieved from [http://103.23.244.11/Direktori/FIP/JUR.\\_PEND.\\_LUAR\\_SEKOLAH/197012101998022-IIP\\_SARIPAH/Pengertian\\_Pendekatanx.pdf](http://103.23.244.11/Direktori/FIP/JUR._PEND._LUAR_SEKOLAH/197012101998022-IIP_SARIPAH/Pengertian_Pendekatanx.pdf)
- T Pica, Young, R., & C Doughty. (1987). The impact of interaction on comprehension. *TESOL Quarterly*, 21, 737–758.
- Tan Bee Hoon. (2006). Writing Needs and Writing Support: What Do ESL Undergraduates Want? In *Ujana Minda Jilid 1; Kumpulan Esei Bahasa, Sastera dan Komunikasi*. Petaling Jaya: Sasbadi Sdn. Bhd.
- Umi Nadiha Mohd Nor, Zamri Mahamod, & Jamaludin Badusah. (2011). Penerapan Kemahiran Generik Dalam Pengajaran Guru Bahasa Melayu Sekolah Menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1(2), 71–84.
- Verga, L., & Kotz, S. a. (2013). How relevant is social interaction in second language learning? *Frontiers in Human Neuroscience*, 7(September), 550. Retrieved from <http://www.pubmedcentral.nih.gov/articlerender.fcgi?artid=3759854&tool=pmc-entrez&rendertype=abstract>
- Vijayaletchumy Subramaniam. (2000). *Pemerolehan bahasa di kalangan kanak-kanak Melayu*. Universiti Putra Malaysia. Retrieved from [http://psasir.upm.edu.my/8751/1/FBMK\\_2000\\_5\\_A.pdf](http://psasir.upm.edu.my/8751/1/FBMK_2000_5_A.pdf)
- Vijayaletchumy Subramaniam, & Shobehah. (2016). Strategi Pembelajaran Bahasa. *Dewan Bahasa*, 4–7.
- Wardhaugh, R. (2010). *An Introduction to Sociolinguistic*. New York: Basil Blackwell.
- Wong, J. K. L. (2000). *The Sabah Malay Dialect: Phonological structures and social Functions*. (R. Mohd Sarim, Ed.) (1st ed.). Kota Kinabalu: Centre for the promotion of knowledge and language learning, UMS.
- Wong, J. K. L. (2010). The Sabah Malay dialect: A phonological study of the urban dialect of Kota Kinabalu City, 1–11. Retrieved from [http://studentsrepo.um.edu.my/5575/2/2.Chapter\\_1.pdf](http://studentsrepo.um.edu.my/5575/2/2.Chapter_1.pdf)
- Yazan, B. (2015). Three Approaches to Case Study Methods in Education : Yin , Merriam , and Stake. *The Qualitative Report - Teaching and Learning Article, TQR*, 20(2), 134–152. Retrieved from <http://www.nova.edu/ssss/QR/QR20/2/yazan1.pdf>

- Yin, R. K. (2002). *Case Study Research: Design and Methods*. Thousand Oaks, CA: SAGE Publications.
- Yuka Akiyama, & Kazuya Saito. (2017). Development of Comprehensibility and its Linguistic Correlates: A Longitudinal Study of Video-Mediated Telecollaboration. *The Modern Language Journal*, (Wiley Online Library), 1–34.
- Yunidar Nur. (2008). *Belajar bahasa kedua dengan pendekatan multiperspektif*. Jogjakarta: Surya Pena Gemilang.
- Zainuddin Awang. (2012). *Research Methodology and Data Analysis* (2nd Editio). Subang Jaya, Selangor: Dee Sega Enterprise.
- Zaitul Azma, Z. H. (2005). Bahasa, konteks dan pemikiran kanak-kanak Melayu: Satu analisis pragmatik. *Jurnal Bahasa*, Vol. 5(N0. 2), 134–153.
- Zaliza, M. N., & Zaitul Azma, Z. H. (2014). Sikap Dan Motivasi Pelajar Terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 134(December), 408–415. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2014.04.263>